



GALAKAN PEMILIKAN RUMAH NEGARA: MEREALISASIKAN IMPIAN

Galakan Pemilikan Rumah Negara

MEREALISASIKAN IMPIAN

Kumpulan Cagamas komited terhadap mandatnya untuk mempromosikan penyebaran pemilikan rumah yang lebih meluas dan pertumbuhan pasaran gadai janji sekunder di Malaysia. Sejak bertahun-tahun, kami telah membantu merealisasikan impian pemilikan rumah melalui penyelesaian pendanaan yang inovatif serta menyokong program pemilikan rumah mampu milik Kerajaan, lantaran memainkan peranan kami dalam Galakan Pemilikan Rumah Negara.



Isi Kandungan

2	Struktur Korporat Kumpulan	78	Ahli Pengurusan
3	Maklumat Korporat	80	Carta Organisasi
4	Notis Mesyuarat Agung Tahunan	82	Cagamas MBS Berhad
8	Profil Lembaga Pengarah		BNM Sukuk Berhad
13	Lembaga Pengarah & Jawatankuasa Lembaga Pengarah		Cagamas SME Berhad
14	Pemegang Syer		Cagamas MGP Berhad
16	Kemuncak Korporat		Cagamas SRP Berhad
26	Tanggungjawab Sosial Korporat	83	Penyata Kewangan
29	Anugerah dan Pencapaian	195	Pendedahan Tunggak 3
30	Cagamas Dalam Akhbar		
32	Kemuncak Kewangan Kumpulan		• Borang Proksi
34	Tinjauan Perniagaan		
42	Penyata Pengerusi		
50	Penyata Tadbir Urus Korporat		
54	Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan		
58	Penyata Kawalan Dalaman		
60	Pengurusan Risiko		
63	Maklumat Perangkaan		
72	Cagamas Berhad		
73	Profil Lembaga Pengarah		




Struktur Korporat Kumpulan

2

CAGAMAS HOLDINGS BERHAD | Laporan Tahunan 2017

Cagamas Holdings



¹ Satu Syer Keutamaan Boleh Tebus (RPS) bersamaan dengan 100% pemegangan RPS di dalam Cagamas MBS Berhad dipegang oleh Cagamas SRP Berhad sebagai amanah untuk Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA).

Maklumat Korporat

Pejabat Berdaftar

Aras 32, The Gardens North Tower
Mid Valley City
Lingkaran Syed Putra
59200 Kuala Lumpur
Tel : +603-2262 1800
Faks : +603-2282 9125

Setiausaha Syarikat

Sarah Abdul Aziz (LS 0008763)

Jurubank

Malayan Banking Berhad

Juruaudit

Tetuan PricewaterhouseCoopers PLT
Aras 10, 1 Sentral, Jalan Travers
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur



Notis Mesyuarat Agung Tahunan

DENGAN INI DIMAKLUMKAN bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Kesebelas Cagamas Holdings Berhad akan diadakan di Dewan Persidangan 1, Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia, No. 2 Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur pada hari Khamis, 26 April 2018 pada jam 11.45 pagi untuk melaksanakan urusan berikut:

SEBAGAI URUSAN BIASA

1. Menerima Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 beserta Laporan Pengarah dan Juruaudit dan Penyata dan Akuan Berkanun yang terkandung.
2. Meluluskan pembayaran berikut kepada para Pengarah
 - 2.1 Yuran sebanyak RM442,500 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017
 - 2.2 Manfaat termasuk elaun mesyuarat belum bayar kepada Pengarah dari AGM ke-11 hingga AGM ke-12 bagi Syarikat seperti berikut:

Elaun Mesyuarat (RM)	
Pengerusi Lembaga Pengarah/ Jawatankuasa Lembaga Pengarah	RM4,500 setiap mesyuarat
Ahli Lembaga Pengarah/ Jawatankuasa Lembaga Pengarah	RM3,500 setiap mesyuarat

(Resolusi Biasa 1)

(Resolusi Biasa 2)

3. Melantik semula para Pengarah berikut yang akan bersara menurut Artikel 19.13 dan 19.14 Tataurusan Syarikat dan, oleh sebab layak, menawarkan diri mereka untuk dilantik semula:
 - Datuk George Ratilal
 - Datuk Azizan bin Haji Abd Rahman
 - Dato' Lee Kok Kwan
4. Melantik Tetuan PricewaterhouseCoopers PLT sebagai Juruaudit Syarikat dan memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah untuk menetapkan bayaran mereka.

(Resolusi Biasa 3)

(Resolusi Biasa 4)

(Resolusi Biasa 5)

(Resolusi Biasa 6)

SEBAGAI URUSAN KHAS

Untuk mempertimbangkan dan, sekiranya sesuai, meluluskan Resolusi Biasa berikut:

5. Pengekalan Pengarah Bebas

“Bahawa Datuk George Ratilal dengan ini dikekalkan sebagai Pengarah Bebas bagi Syarikat sehingga berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan yang seterusnya menurut Piagam Lembaga Pengarah bagi Syarikat”.

(Resolusi Biasa 7)

6. Melaksanakan sebarang urusan lain di mana notis yang sewajarnya telah diberikan menurut Akta Syarikat, 2016 dan Tataurus Syarikat.

Dengan Perintah Lembaga Pengarah

Sarah Abdul Aziz (LS 0008763)

Setiausaha Syarikat

Kuala Lumpur

4 April 2018

NOTA

- Seorang ahli yang berhak untuk menghadiri dan mengundi di Mesyuarat boleh melantik tidak lebih daripada dua (2) orang proksi untuk menghadiri dan mengundi bagi pihaknya. Sekiranya seorang ahli melantik dua (2) orang proksi, perlantikan tersebut adalah tidak sah kecuali nisbah pegangan syer dipisahkan oleh setiap proksi yang dinyatakan. Seorang proksi boleh tetapi tidak semestinya seorang ahli Syarikat.
- Sekiranya ahli syarikat adalah sebuah badan korporat, Borang Proksi ini mestilah dimeterai ataupun ditandatangani oleh wakil mutlaknya yang telah diberikuasa.
- Kesemua Borang Proksi mestilah sempurna diisi dan diserahkan kepada Pejabat Berdaftar Syarikat di Aras 32, The Gardens North Tower, Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur tidak lewat dari 48 jam sebelum masa yang ditetapkan untuk Mesyuarat berkenaan atau untuk Mesyuarat yang ditangguhkan mengikut mana yang berkenaan.

Nota Keterangan bagi Urusan Biasa:

1. **Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017**

Penyata kewangan yang telah diaudit dibentangkan selaras dengan Seksyen 340(1)(a) Akta Syarikat 2016 untuk tujuan perbincangan sahaja. Penyata Kewangan yang telah diaudit tidak memerlukan kelulusan para pemegang syer dan oleh yang sedemikian, tidak akan kemukakan untuk pengundian untuk diluluskan secara rasmi oleh para pemegang syer.

2. **Resolusi Biasa 1 – Bayaran Yuran Pengarah**

Struktur Yuran berikut telah diterima pakai sejak 2011 dan tetap tidak berubah:

Yuran Tahunan (RM)
Lembaga Pengarah
– Pengerusi RM60,000
– Ahli RM50,000
Jawatankuasa Lembaga Pengarah
– Pengerusi RM55,000
– Ahli RM50,000

Nota Keterangan mengenai Urusan Khas

3. **Mengekalkan Pengarah Bebas**

Resolusi yang dicadangkan ini adalah untuk mendapatkan kelulusan para pemegang syer untuk mengekalkan Datuk George Ratilal sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Datuk George telah berkhidmat sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif untuk tempoh terkumpul lebih daripada sembilan (9) tahun. Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga Pengarah Kumpulan telah melakukan penilaian yang perlu dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengarah telah bersetuju agar Datuk George Ratilal dikekalkan sebagai Pengarah Bebas berdasarkan keupayaan beliau untuk memberi pandangan dan mengekalkan pertimbangan bebas beliau tanpa bias tanpa pengaruh daripada sesiapa.

MENYOKONG

PROGRAM PEMILIKAN RUMAH

MAMPU MILIK KERAJAAN



Profil Lembaga Pengarah



Encik Nik Mohd Hasyudeen bin Yusoff

Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif

Encik Nik Mohd Hasyudeen bin Yusoff, warganegara Malaysia, berusia 53 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 1 Januari 2017 sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Beliau telah dilantik sebagai Pengerusi bagi Syarikat pada 1 Julai 2017. Beliau juga ialah ahli Jawatankuasa Urus Tadbir Lembaga Pengarah Kumpulan.

Encik Nik merupakan pengasas Inovastra Capital Sdn. Bhd., sebuah syarikat yang memberi khidmat nasihat dalam kepimpinan, tadbir urus dan strategi.

Beliau ialah seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif bagi Bank Islam Malaysia Berhad, Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif bagi BIMB Investment Management Berhad, Pengarah Berkepentingan Awam bagi Federation of Investment Managers Malaysia, ahli Lembaga Pengarah Universiti Utara Malaysia dan ahli Jawatankuasa bagi Corporate Debt Restructuring yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia.

Encik Nik pernah menjadi Pengarah Eksekutif yang bertanggungjawab dalam Pengawasan Pasaran dan Korporat di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan mantan Pengerusi Eksekutif bagi Lembaga Pengawasan Audit. Encik Nik juga pernah menjadi ahli Jawatankuasa Penyenaraian Bursa Malaysia dan pernah berkhidmat di Panel Kajian Semula Operasi bagi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Sebagai seorang ahli FCPA bagi CPA Australia, Encik Nik sangat terlibat dengan profesion perakaunan di Malaysia dan rantau ini. Beliau merupakan bekas Presiden bagi Malaysian Institute of Accountants, mantan Naib Presiden bagi Persekutuan Akauntan ASEAN dan pernah berkhidmat dalam Jawatankuasa Eksekutif dan Strategi bagi Confederation of Asian and Pacific Accountants. Beliau juga pernah menjadi pengerusi bagi jawatankuasa Strengthen the Accountancy Profession yang membuat cadangan langkah-langkah pembaharuan kepada profesion perakaunan Malaysia.

Encik Nik memegang Ijazah Perniagaan daripada Curtin University of Technology, Perth.

Encik Nik telah menghadiri empat daripada lima mesyuarat Lembaga Pengarah yang telah diadakan sepanjang tahun kewangan. Beliau tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain Cagamas Holdings Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh sepuluh tahun lepas.

Datuk Shaik Abdul Rasheed bin Abdul Ghaffour, warganegara Malaysia, berusia 54 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 1 Jun 2016 sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif. Beliau ialah Pengerusi bagi Jawatankuasa Urus Tadbir Lembaga Pengarah Kumpulan. Beliau juga ialah Pengerusi Lembaga Pengarah bagi Cagamas Berhad dan Cagamas SRP Berhad

Datuk Abdul Rasheed ialah Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM). Beliau ialah ahli Jawatankuasa Dasar Monetari, Jawatankuasa Pengurusan, Jawatankuasa Pengurusan Rizab dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Bank tersebut. Sebelum itu, Datuk Abdul Rasheed ialah Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) dan bertanggungjawab ke atas Sektor Monetari dan Ekonomi bank, yang juga termasuk perhubungan antarabangsa dan

fungsi-fungsi perkhidmatan statistik Bank tersebut. Datuk Abdul Rasheed ialah Pengarah Eksekutif Gantian bagi Malaysia pada Mesyuarat Lembaga Eksekutif Tabung Kewangan Antarabangsa, di Washington DC, antara November 2012 hingga Oktober 2014.

Datuk Abdul Rasheed ialah lulusan daripada Universiti Malaya dengan menerima Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam Ekonomi.

Datuk Abdul Rasheed telah menghadiri empat daripada lima mesyuarat Lembaga Pengarah yang telah diadakan sepanjang tahun kewangan. Beliau tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain Cagamas Holdings Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh sepuluh tahun lepas.



Datuk Shaik Abdul Rasheed bin Abdul Ghaffour

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Tan Sri Dato' Sri Tay Ah Lek, warganegara Malaysia, berusia 75 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 12 Ogos 2011 sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif. Beliau juga ialah ahli Jawatankuasa Urus Tadbir Lembaga Pengarah Kumpulan.

Tan Sri Tay ialah Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif bagi Public Bank. Beliau mempunyai 57 tahun pengalaman dalam industri perbankan dan kewangan. Beliau menyertai Kumpulan Public Bank sebagai kakitangan perintis pada tahun 1966. Sebelum memegang jawatan sekarang, beliau pernah memegang jawatan Naib Presiden Eksekutif bagi Public Finance terdahulu dan kemudiannya sebagai Naib-Presiden Eksekutif bagi Public Bank. Beliau ialah Pengarah bagi Kumpulan Public Bank termasuk Public Bank Berhad, Public Investment Bank Berhad, Public Mutual Berhad, Public Islamic Bank Berhad dan Public Bank (Hong Kong) Ltd. Beliau juga ialah Pengarah dalam syarikat awam lain iaitu Ombudsman for Financial Services (dahulu dikenali sebagai Financial Mediation Bureau).

Kini, beliau ialah Pengerusi bagi Persatuan Syarikat-syarikat Sewa Beli Malaysia dan ahli Majlis Persatuan Bank-bank dalam Malaysia. Tan Sri Tay juga ialah ahli Jawatankuasa Pemandu dan Kumpulan Perunding Pemberi Khidmat bagi Majlis Penasihat Pembayaran Nasional

Beliau memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Henley, United Kingdom dan telah mengikuti Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School. Beliau ialah ahli Fellow Emeritus bagi Institut Pengurusan Malaysia, ahli Fellow, Perbankan Bertauliah bagi the Asian Institute of Chartered Bankers dan ahli Fellow bagi CPA Australia dan Financial Services Institute of Australasia.

Tan Sri Tay telah menghadiri empat daripada lima mesyuarat Lembaga Pengarah yang telah diadakan sepanjang tahun kewangan. Beliau tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain Cagamas Holdings Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh sepuluh tahun lepas.



Tan Sri Dato' Sri Tay Ah Lek

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Profil Lembaga Pengarah (Sambungan)

10

CAGAMAS HOLDINGS BERHAD | Laporan Tahunan 2017



Datuk George Ratilal

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Datuk George Ratilal, warganegara Malaysia, berusia 58 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 15 April 2008 sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Beliau juga ialah Pengurus bagi Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan.

Datuk George ialah Naib Presiden Eksekutif & Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan bagi Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS). Beliau ialah ahli Lembaga Pengarah dan Pasukan Kepemimpinan Eksekutif. Beliau juga menganggotai Lembaga Pengarah beberapa anak syarikat PETRONAS. Sebelum menyertai PETRONAS pada tahun 2003, beliau pernah menyertai sebuah bank saudagar tempatan selama 18 tahun, memberi tumpuan kepada kewangan korporat di mana beliau pernah terlibat di dalam memberi khidmat nasihat penggabungan dan pengambilalihan, dan pasaran modal. Beliau

ialah Pengarah bagi syarikat awam lain termasuk KLCC Property Holdings Berhad dan MISC Berhad.

Datuk George memegang Ijazah Perakaunan dari Birmingham City University dan ijazah MBA dari Aston University, United Kingdom.

Datuk George Ratilal telah menghadiri kesemua empat mesyuarat Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan dan dua daripada lima mesyuarat Lembaga Pengarah yang telah diadakan pada sepanjang tahun kewangan. Beliau tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain Cagamas Holdings Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh sepuluh tahun lepas.



Datuk Abdul Farid bin Alias

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Datuk Abdul Farid bin Alias, warganegara Malaysia, berusia 50 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 6 Jun 2013 sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif.

Datuk Abdul Farid telah dilantik sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan bagi Malayan Banking Berhad (Maybank) pada 2 Ogos 2013. Sebelum itu, beliau ialah Timbalan Presiden & Ketua, Perbankan Global sejak 1 Julai 2010.

Datuk Farid memulakan kerjaya beliau di dalam Kumpulan Maybank di unit perbankan pelaburan, Aseambankers (sekarang dikenali sebagai Maybank Investment Bank) pada tahun 1992, selepas memperolehi Ijazah dari Pennsylvania State University, Amerika Syarikat pada tahun 1990 dengan Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Perakaunan, dan dari University of Denver, Amerika Syarikat pada tahun 1991 dengan Ijazah Sarjana dalam Pengurusan Perniagaan dalam Kewangan.

Beliau kemudiannya berkhidmat di beberapa institusi kewangan seperti Schroders, Malaysian International Merchant Bankers dan JP Morgan dari tahun 1993 sebelum menyertai Khazanah Nasional Berhad pada tahun 2003.

Beliau menyertai semula Maybank pada 1 Januari 2009 sebagai Ketua bagi Perniagaan Antarabangsa dan kemudiannya sebagai Timbalan Presiden dan Ketua, Perbankan Global.

Datuk Farid telah menghadiri empat daripada lima mesyuarat Lembaga Pengarah yang telah diadakan pada sepanjang tahun kewangan. Beliau tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain Cagamas Holdings Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh sepuluh tahun lepas.

Datuk Azizan bin Haji Abd Rahman, warganegara Malaysia, berusia 62 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 1 Jun 2015 sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Beliau merupakan ahli Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan dan ahli Lembaga Pengarah bagi Cagamas SRP Berhad.

Datuk Azizan ialah Pengerusi bagi Malaysian Rating Corporation Berhad, MIDF Amanah Investment Bank Bhd, Kensington Trust Labuan Ltd. dan Kensington Trust Malaysia Berhad. Beliau ialah mantan Ketua Pengarah Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA), di mana beliau telah berkhidmat selama lebih enam tahun sehingga persaraan beliau pada bulan September 2011.

Datuk Azizan memulakan kerjaya beliau di Bank Negara Malaysia (BNM) pada tahun 1979. Semasa 31 tahun perkhidmatan beliau dengan BNM, Datuk Azizan telah mengumpul spektrum pengalaman yang luas dalam kewangan, penyeliaan dan pemeriksaan. Sebelum menyertai Labuan FSA, beliau telah dilantik sebagai Pengarah, Penyeliaan Perbankan di BNM di mana portfolio beliau termasuk pemeriksaan dan penyeliaan institusi perbankan domestik dan asing utama yang beroperasi di Malaysia. Beliau juga ialah ahli Lembaga Pengarah dan jawatankuasa

pelaburan bagi beberapa badan kerajaan termasuk Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan ERF Sdn Bhd dan Penasihat kepada Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia.

Pada masa ini, Datuk Azizan menganggotai pelbagai Lembaga Pengarah termasuk Malaysian Industrial Development Finance Berhad, Barakah Offshore Petroleum Berhad, CTOS Holdings Sdn Bhd, CTOS Data Systems Sdn. Bhd., City Credit Investment Bank Ltd, Labuan, MARC Risk Management Solutions Sdn. Bhd., MARC Training Sdn. Bhd. dan OCBC Bank Malaysia Berhad. Beliau ialah ahli bagi Jawatankuasa Panel Penilaian bagi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Datuk Azizan berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) dari Universiti Malaya dan memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari University of Queensland, Australia. Beliau ialah ahli Fellow CPA (Australia) dan Akauntan Bertauliah dari Institut Akauntan Malaysia.

Datuk Azizan telah menghadiri kesemua lima mesyuarat Lembaga Pengarah yang telah diadakan sepanjang tahun kewangan. Beliau tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain Cagamas Holdings Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh sepuluh tahun yang lepas.

Dato' Lee Kok Kwan, warganegara Malaysia, berusia 52 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 1 Jun 2015 sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif. Beliau ialah ahli Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan.

Dato' Lee Kok Kwan ialah mantan Timbalan CEO Kumpulan CIMB di mana bidang tugas beliau termasuk perbankan korporat, urus niaga perbankan, jualan dan perdagangan perniagaan dalam kadar faedah, kredit, tukaran asing, komoditi, ekuiti dan derivatif; pertimbahaaraan dan pembiayaan Kumpulan; pelaburan pendapatan tetap; dan, pasaran modal hutang yang beliau bangunkan sejak menyertai CIMB pada tahun 1996 dan pertumbuhan perniagaan tersebut menjadi salah satu operasi pasaran global terbesar di seluruh ASEAN.

Sebelum menyertai CIMB pada tahun 1996, Dato' Lee mempunyai lebih daripada tujuh tahun pengalaman dalam pasaran dan pertimbahaaraan dalam industri perbankan Kanada. Beliau ialah Pengurus Portfolio Pertimbahaaraan yang bertanggungjawab terhadap kadar faedah dan risiko *optionality*

dan pulangan untuk sebuah bank terkemuka Kanada dan ahli Jawatankuasa Kanan Pengurusan Aset-Liabilitinya.

Kini, Dato' Lee ialah ahli Lembaga Pengarah CIMB Group Holdings Berhad, CIMB Bank Berhad, CIMB Thai Bank Public Company Ltd. dan merupakan Pengerusi bagi CIMB Bank Labuan Limited dan BIX Malaysia (Bond and Sukuk Information Platform Sendirian Berhad).

Dato' Lee memegang ijazah BBA Joint Honours (Kelas Pertama) dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Simon Fraser University of Canada. Beliau juga ialah Presiden Persatuan Pasaran Kewangan Malaysia dan Penasihat kepada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Dato' Lee telah menghadiri empat daripada lima mesyuarat Lembaga Pengarah yang telah diadakan sepanjang tahun kewangan. Beliau tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain Cagamas Holdings Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu.



Datuk Azizan bin Haji Abd Rahman

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif



Dato' Lee Kok Kwan

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Profil Lembaga Pengarah (Sambungan)

12

CAGAMAS HOLDINGS BERHAD | Laporan Tahunan 2017



Puan Wan Hanisah binti Wan Ibrahim

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Puan Wan Hanisah binti Wan Ibrahim, warganegara Malaysia, berusia 62 tahun, telah dilantik menganggotai Lembaga Pengarah pada 26 Mei 2016 sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Beliau ialah ahli Jawatankuasa Lembaga Pengarah Audit Kumpulan dan juga ahli Lembaga Pengarah bagi Cagamas MBS Berhad.

Puan Wan Hanisah memiliki lebih 30 tahun pengalaman di BNM, di mana beliau telah bersara sebagai Pengarah di Jabatan LINK dan Pejabat Wilayah bagi BNM. Puan Wan Hanisah pernah memegang pelbagai jawatan termasuk sebagai Ketua Perwakilan bagi Bank Negara Malaysia di Pejabat Perwakilan London, Pengarah di Jabatan Antarabangsa, Pengarah bagi Jabatan Perbendaharaan dan Pengarah bagi Jabatan Pentadbiran Pertukaran Asing di BNM. Beliau juga pernah menjadi ahli Jawatankuasa Pelaburan Kebangsaan bagi Malaysia.

Pada April 2014, beliau telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah bebas di Franklin Templeton GSC Asset Management Sdn. Bhd. (FTGSC) dan pada masa kini merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan bagi FTGSC.

Puan Wan Hanisah berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dan Ijazah Sarjana Ekonomi dari Universiti Malaya.

Puan Wan Hanisah telah menghadiri kesemua lima mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan sepanjang tahun kewangan. Beliau tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain Cagamas Holdings Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh sepuluh tahun lepas.

Lembaga Pengarah Cagamas Holdings Berhad (Lembaga Pengarah), yang dianggotai oleh pegawai-pegawai kanan/wakil-wakil dan ketua-ketua eksekutif daripada Bank Negara Malaysia dan institusi kewangan terpilih selain ahli-ahli profesional berpengalaman yang dicalonkan oleh Lembaga Pengarah, adalah bertanggungjawab untuk merumus dasar am bagi Syarikat.

Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan mengkaji audit yang dibuat oleh juruaudit luar ke atas Kumpulan Syarikat Cagamas di samping keberkesanan tatacara-tatacara kewangan dan kawalan dalaman.

Jawatankuasa Urus Tadbir Lembaga Pengarah Kumpulan menilai praktis urus tadbir korporat bagi Kumpulan agar selari dengan amalan terbaik, menilai secara tahunan keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhan, Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan sumbangan setiap Pengarah individu, dan mencadangkan pelantikan-pelantikan kepada Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah.



LEMBAGA PENGARAH

Pengerusi Lembaga Pengarah

- Encik Nik Mohd Hasyudeen bin Yusoff
(Dilantik sebagai Pengerusi berkuatkuasa 1 Julai 2017)
- Dato' Ooi Sang Kuang
(Meletak Jawatan sebagai Pengerusi berkuatkuasa 1 Julai 2017)

Ahli Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan

- Datuk George Ratilal (Pengerusi)
- Datuk Azizan bin Haji Abd Rahman
- Dato' Lee Kok Kwan
- Puan Wan Hanisah binti Wan Ibrahim

Pengarah

- Tan Sri Dato' Sri Tay Ah Lek
- Datuk George Ratilal
- Datuk Abdul Farid bin Alias
- Datuk Azizan bin Haji Abd Rahman
- Dato' Lee Kok Kwan
- Puan Wan Hanisah binti Wan Ibrahim
- Datuk Shaik Abdul Rasheed bin Abdul Ghaffour

Ahli Jawatankuasa Urus Tadbir Lembaga Pengarah Kumpulan

- Dato' Ooi Sang Kuang (Pengerusi)
(Meletak Jawatan sebagai Pengerusi berkuatkuasa 1 Julai 2017)
- Datuk Shaik Abdul Rasheed bin Abdul Ghaffour
(Dilantik sebagai Pengerusi berkuatkuasa 1 Julai 2017)
- Tan Sri Dato' Sri Tay Ah Lek
- Encik Nik Mohd Hasyudeen bin Yusoff
(Dilantik berkuatkuasa 1 Julai 2017)

Pemegang Syer


14

CAGAMAS HOLDINGS BERHAD | Laporan Tahunan 2017

STRUKTUR MODAL SYER CAGAMAS HOLDINGS BERHAD PADA 16 MAC 2018

Modal diterbitkan dan berbayar : 150 juta syer biasa RM1 setiap satu

STRUKTUR PEMEGANGAN SYER PADA 16 MAC 2018



Institusi	% Pemegangan Syer	Bilangan Pemegang Syer	Julat % Pemegangan Syer
Bank Negara Malaysia	20.0	1	20.0
Bank Perdagangan	72.8	18	0.2 – 16.5
Bank Pelaburan	7.2	5	0.4 – 3.9
Jumlah	100.0	24	

ANALISIS PEMEGANGAN SYER PADA 16 MAC 2018

Saiz Pemegangan Syer	Bilangan Pemegang Syer	% Pemegang Syer	Bilangan Syer Dipegang	% Modal Diterbitkan
100,001 ke kurang dari 7,500,000 (5% daripada syer yang diterbitkan)	18	75	43,461,000	29.0
7,500,000 (5%) dan lebih	6	25	106,539,000	71.0

PEMEGANG SYER CAGAMAS HOLDING BERHAD PADA 16 MAC 2018

Pemegang Syer	Bilangan Syer	% Pemegang Syer
Bank Negara Malaysia	30,000,000	20.0
CIMB Bank Berhad	24,684,000	16.5
Malayan Banking Berhad	21,279,000	14.2
RHB Bank Group	12,932,400	8.6
RHB Bank Berhad	11,732,400	7.8
RHB Investment Bank Berhad	1,200,000	0.8
AmBank Group	12,066,000	8.0
AmBank (M) Berhad	6,177,000	4.1
AmlInvestment Bank Berhad	5,889,000	3.9
Public Bank Group	10,485,600	7.0
Public Bank Berhad	9,885,600	6.6
Public Investment Bank Berhad	600,000	0.4
Hong Leong Bank Berhad	8,958,000	6.0
HSBC Bank Malaysia Berhad	6,201,000	4.1
Alliance Bank Group	5,583,000	3.7
Alliance Bank Malaysia Berhad	3,183,000	2.1
Alliance Investment Bank Berhad	2,400,000	1.6
Standard Chartered Bank Malaysia Berhad	4,590,000	3.1
Affin Bank Group	4,410,000	2.9
Affin Bank Berhad	3,660,000	2.4
Affin Hwang Investment Bank Berhad	750,000	0.5
United Overseas Bank (Malaysia) Berhad	3,330,000	2.2
OCBC Bank (Malaysia) Berhad	2,997,000	2.0
Bank of Tokyo-Mitsubishi UFJ (Malaysia) Berhad	738,000	0.5
SIBB Berhad	450,000	0.3
Bangkok Bank Berhad	369,000	0.3
The Bank of Nova Scotia Berhad	327,000	0.2
The Royal Bank of Scotland Berhad (Diletak dalam Pembubaran Sukarela Ahli)	300,000	0.2
Deutsche Bank (Malaysia) Berhad	300,000	0.2
Jumlah	150,000,000	100.0

Kemuncak Korporat

16

CAGAMAS HOLDINGS BERHAD | Laporan Tahunan 2017

JANUARI

1. KARNIVAL KEWANGAN 2017



Cagamas telah menyertai Karnival Kewangan 2017 yang dianjurkan oleh Bank Negara Malaysia sebagai penaja untuk Pertandingan Pidato (Seksyen Bahasa Inggeris). Acara ini bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap perkhidmatan kewangan, celik kewangan serta perlindungan pengguna.

2. GOLF PERSAHABATAN CAGAMAS 2017



Cagamas mengadakan acara Golf Persahabatan Cagamas 2017 di Sungai Long Golf & Country Club, yang memperlihatkan penyertaan wakil-wakil kanan daripada Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan kumpulan syarikat Cagamas.

3. PERSIDANGAN AUDIT DALAMAN SEKTOR AWAM 2017 (PUBLIC SECTOR INTERNAL AUDIT CONFERENCE 2017)



Encik Muhammed Noh Kaderan, Naib Presiden/Ketua, Audit Dalaman mewakili Cagamas pada Persidangan Audit Dalaman Sektor Awam 2017 (Public Sector Internal Audit Conference 2017) yang dianjurkan oleh Malaysian Institute of Accountants (MIA) yang berlangsung di Kuala Lumpur. Beliau bercakap pada sesi panel bertajuk *Membuka Kekunci Kuasa Audit Dalaman dalam Sektor Awam*.

4. MESYUARAT-MESYUARAT PERNIAGAAN DI SINGAPURA



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mengetuai delegasi daripada Cagamas untuk mesyuarat-mesyuarat perniagaan bersama beberapa para pelabur di Singapura.

FEBRUARI

5. LAWATAN AKADEMIK DARIPADA POLITEKNIK NILAI



Cagamas menerima kunjungan para pelajar diploma daripada Fakulti Perniagaan Islam dan Kewangan daripada Politeknik Nilai Negeri Sembilan. Para pelajar tahun ketiga itu diberi taklimat mengenai sukuksuk dalam produk-produk Islam.

6. PERSIDANGAN PENDAPATAN TETAP RAM-PEFINDO ASEAN (RAM-PEFINDO ASEAN FIXED INCOME CONFERENCE)



Penyertaan Cagamas sebagai Rakan Strategik pada Persidangan Pendapatan Tetap RAM-PEFINDO ASEAN (RAM-PEFINDO ASEAN Fixed Income Conference) di Kuala Lumpur, yang telah dianjurkan bersama RAM Holdings Berhad dan PEFINDO Credit Rating Agency. Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mewakili Cagamas sebagai ahli panel dan bercakap mengenai topik *Manfaat dan Cabaran Terbitan Merentas Sempadan: Daripada Perspektif Penerbit*.

FEBRUARI


MAC

7. PENERBITAN KEWANGAN ISLAM YANG DITAJA CAGAMAS DILANCARKAN

Cagamas melancarkan penerbitan Kewangan Islam di Malaysia, Pertumbuhan & Pembangunan pada majlis yang telah dirasmikan Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz, Canselor INCEIF. Diterbitkan dan disunting oleh INCEIF, buku yang hanya ditaja oleh Cagamas ini dijangka memainkan peranan penting dalam memenuhi keperluan untuk lebih banyak kesusasteraan mengenai kewangan Islam.

8. FORUM BON DILINDUNGI ASIA EUROMONEY/ECBC (EUROMONEY/ECBC ASIAN COVERED BOND FORUM)

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mewakili Cagamas sebagai jurucakap pada Forum Bon Dilindungi Asia Euromoney/ECBC (Euromoney/ECBC Asian Covered Bond Forum), yang telah berlangsung di Singapura. Datuk Chung bercakap pada sesi panel mengenai *Keperluan Dana Asia, Bon Dilindungi dan Alternatif*. Datuk Chung bersama kumpulan Cagamas juga menyertai dalam Mejabulat Bon Dilindungi Asia ECBC yang ke-4 (4th ECBC Asian Covered Bond Roundtable). Mereka juga mengadakan pertemuan-pertemuan berasingan bersama para pelabur.

10. MESYUARAT PERNIAGAAN BERSAMA HONG KONG MORTGAGE CORPORATION (HKMC)

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mengetuai delegasi daripada Cagamas untuk mesyuarat perniagaan yang telah diadakan bersama Encik Raymond Li, JP, Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif, Hong Kong Mortgage Corporation.

9. LAWATAN DARIPADA HAZANA MALDIVES LIMITED

Cagamas menerima kunjungan delegasi daripada Hazana Maldives Limited, sebuah agensi Kerajaan yang telah ditubuhkan untuk membangunkan pasaran modal di Maldives. Delegasi yang diketuai oleh Pengarah Urusan, Puan Aminath Sharahath, telah diberi taklimat mengenai produk-produk Islam dan perkhidmatan Cagamas.

11. MESYUARAT PERNIAGAAN BERSAMA PARA PELABUR DI HONG KONG

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mengetuai delegasi daripada Cagamas untuk beberapa mesyuarat perniagaan bersama para pelabur di Hong Kong.

Kemuncak Korporat (Sambungan)

18

CAGAMAS HOLDINGS BERHAD | Laporan Tahunan 2017

APRIL

12. FORUM ASIA IFN 2017 (IFN ASIA FORUM 2017)



Naib Presiden Kanan, Perniagaan Islam, Encik Azizi Ali mewakili Cagamas sebagai ahli panel pada Forum Asia IFN 2017 (IFN Asia Forum 2017) di Kuala Lumpur. Beliau bercakap pada sesi panel mengenai topik *Potensi Untuk Dana Waqf yang Belum Diterokai*. Cagamas juga mengambil bahagian sebagai penaja korporat pada majlis tersebut.

14. PERSIDANGAN BLOOMBERG MENGENAI TEKNOLOGI & PERDAGANGAN PASARAN SEKUNDER DALAM PASARAN PENDAPATAN TETAP (BLOOMBERG'S CONFERENCE ON TECHNOLOGY & SECONDARY MARKET TRADING IN FIXED INCOME MARKETS)



13. ANUGERAH PASARAN BON BPAM 2017 (BPAM BOND MARKET AWARDS 2017)



Cagamas dinobatkan anugerah Jumlah Dagangan Keseluruhan Teratas, Jumlah Dagangan Konvensional Teratas dan Jumlah Dagangan Islam Teratas pada Bond Pricing Agency Malaysia, Anugerah Pasaran Bon BPAM 2017 (BPAM Bond Market Awards 2017) yang telah berlangsung di Kuala Lumpur. Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong menerima anugerah itu bagi pihak Cagamas.

15. LAWATAN OLEH SAUDI REAL ESTATE DEVELOPMENT FUND (REDF)



Cagamas menerima kunjungan delegasi daripada Saudi Real Estate Development Fund (REDF) yang diketuai oleh Encik Mostafa A. Abdullatif, Ketua Pegawai Operasi & Pengurus Projek Transformasi, REDF. Lawatan sambil belajar itu merangkumi pembiayaan gadai janji sekunder di Malaysia dan khususnya perkembangan dan operasi Cagamas.

16. PERSIDANGAN PROJEK PERUMAHAN MAMPU MILIK KE-8 (8TH ANNUAL AFFORDABLE HOUSING PROJECTS)



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong dan Penolong Naib Presiden, Perbendaharaan & Pasaran Modal, Encik Mandeep Singh mewakili Cagamas pada Persidangan Bloomberg mengenai Teknologi & Perdagangan Pasaran Sekunder dalam Pasaran Pendapatan Tetap (Bloomberg's Conference on Technology & Secondary Market Trading in Fixed Income Markets) yang telah berlangsung di Kuala Lumpur. Datuk Chung bercakap mengenai topik *Pasaran Bon Korporat Malaysia: Perspektif Penerbit* manakala Mandeep bercakap pada panel perbincangan mengenai *Tumpuan pada Malaysia: MYR/Kecairan Pasaran Sekunder*.

Naib Presiden Kanan, Perniagaan Teras, Encik Badrulnizam Bahaman mewakili Cagamas sebagai jurucakap pada Persidangan Projek Perumahan Mampu Milik Ke-8 (8th Annual Affordable Housing Projects) di Singapura. Encik Badrulnizam bercakap pada sesi panel mengenai *Tumpuan Negara: Malaysia-Galakan Pemilikan Rumah Negara menggunakan Kewangan Islam dan Instrumen Pembiayaan Sukuk*.

MEI

17. SESI PENGENALAN PASARAN MODAL



Cagamas menganjurkan satu sesi Pengenalan Pasaran Modal untuk ahli-ahli media. Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong dan Penolong Naib Presiden, Perbendaharaan & Pasaran Modal, Encik Mandeep Singh, memberi pertanggungjawab kepada para peserta.

19. CABARAN GOLF JEMPUTAN CAGAMAS 2017



Cagamas mengadakan Cabaran Golf Jemputan Cagamas 2017 di Palm Garden Golf Club, IOI Resort City, Putrajaya yang memperlihatkan penyertaan daripada 87 pemain-pemain golf yang terdiri daripada badan kawal selia, institusi kewangan dan korporat.

21. MESYUARAT BERSAMA THE WORLD BANK



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mengadakan mesyuarat perniagaan bersama Wakil ke Malaysia dan Pengurus Negara, The World Bank, Encik Faris Hadad Zervos.

18. MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KESEPULUH CAGAMAS HOLDINGS BERHAD



Cagamas Holdings Berhad mengadakan Mesyuarat Agung Tahunannya yang kesepuluh di Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia.

20. GOLF PERSAHABATAN CAGAMAS-DANAJAMIN 2017



Cagamas menyertai golf persahabatan bersama Danajamin Nasional Berhad di Sungai Long Golf & Country Club. Permainan ini yang memperlihatkan penyertaan oleh wakil-wakil daripada kedua-dua organisasi yang diketuai oleh Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong dan Encik Mohamed Nazri Omar.

22. MESYUARAT PERNIAGAAN BERSAMA PARA PELABUR DI HONG KONG, SINGAPURA DAN TAIPEI



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mengetuai delegasi daripada Cagamas untuk beberapa siri mesyuarat perniagaan di Hong Kong termasuk mesyuarat bersama pengurus-pengurus dana. Kumpulan ini juga bertemu para pelabur di Singapura dan Taipei sebahagian daripada Forum Pelabur Asia SCB 2017 (SCB Asia Investor Forum 2017).

Kemuncak Korporat (Sambungan)

20

CAGAMAS HOLDINGS BERHAD | Laporan Tahunan 2017

MEI

JUN

JULAI

23. FORUM PELABUR & PEMINJAM KE-6, ASIA TENGGARA (6TH BORROWERS & INVESTORS FORUM, SOUTHEAST ASIA)



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mewakili Cagamas sebagai jurucakap pada Forum Pelabur & Peminjam Ke-6, Asia Tenggara (6th Borrowers & Investors Forum, Southeast Asia) yang dianjurkan oleh Finance Asia di Singapura. Datuk Chung bercakap pada sesi panel mengenai *Matawang dan Kredit*.

24. MESYUARAT PERNIAGAAN BERSAMA PARA PELABUR DI HONG KONG



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mengetuai delegasi daripada Cagamas untuk beberapa siri mesyuarat perniagaan di Hong Kong sebahagian daripada Persidangan Kredit Asia HSBC (HSBC Asia Credit Conference).

25. DIALOG MENGENAI PEMBANGUNAN MAMPAK PERUMAHAN MAMPU MILIK



Cagamas Holdings menganjurkan Dialog mengenai Pembangunan Mampan Perumahan Mampu Milik yang telah berlangsung di Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia. Datuk Shaik Abdul Rasheed bin Abdul Ghaffour, Timbalan Gabenor, Bank Negara Malaysia menyampaikan ucaptama. Dialog ini telah dimoderator oleh Pengurus Cagamas Holdings Berhad, Encik Nik Mohd Hasyudeen Yusoff dan menampilkan wakil daripada The World Bank, Encik Abbas K. JHA, Pengurus Latihan, Pengurusan Risiko Bencana dan Bandar, Asia Timur dan Pasifik dan juga pakar perumahan tempatan termasuk Allahyarham Datuk Abdul Rahim bin Ishak, Ketua Pengarah, Jabatan Perumahan Negara; Dato' Charon Mohzani, Pengarah Eksekutif, Khazanah Nasional Berhad/Pengarah Urusan, Khazanah Research Institute dan Encik Chang Kim Loong, Setiausaha Agung Kehormat, National House Buyers Association of Malaysia.

Ahli panel menyampaikan pelbagai pandangan dan pengetahuan yang berharga mengenai subjek yang termasuk perspektif global dalam perumahan mampu milik, Kerajaan Malaysia perspektif dan inisiatif, kajian kes serta cabaran yang dihadapi oleh pembeli rumah pertama.

JULAI

26. ANUGERAH KEWANGAN ISLAM TRIPLE A ASSET 2017 (THE ASSET TRIPLE A ISLAMIC FINANCE AWARDS 2017)



Cagamas telah dianugerahkan Penerbit tahun 2017–Quasi-berdaulat pada Anugerah Kewangan Islam Triple A Asset 2017 (The Asset Triple A Islamic Finance Awards 2017). Cagamas juga dinobatkan anugerah Sukuk Matawang Tempatan Terbaik untuk 375 juta ringgit sukuk komoditi Murabahah. Datuk Chung Chee Leong, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif menerima anugerah tersebut bagi pihak Cagamas pada majlis yang berlangsung di Kuala Lumpur.

27. LAWATAN OLEH DELEGASI DARIPADA PT SARANA MULTIGRIYA FINANSIAL (PERSERO)



Cagamas menerima lawatan delegasi daripada PT Sarana Multigriya Finansial (PERSERO), yang diketuai oleh Pengarah Presiden, Encik Ananta Wiyogo bagi membincangkan bidang untuk kerjasama bersama.

28. LAWATAN AKADEMIK DARIPADA UNIVERSITI TENAGA NASIONAL (UNITEN)



Cagamas menerima kunjungan para pelajar daripada Kelab Kewangan & Pelaburan, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Kampung Sultan Haji Ahmad Shah, Pahang. Para pelajar ini telah diberi taklimat mengenai operasi dan perniagaan Cagamas.

OGOS

29. MESYUARAT PERNIAGAAN BERSAMA PARA PELABUR DI LONDON



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mengetui delegasi daripada Cagamas untuk beberapa siri mesyuarat perniagaan di London.

Kemuncak Korporat (Sambungan)

22

CAGAMAS HOLDINGS BERHAD | Laporan Tahunan 2017

OGOS

30. MESYUARAT BERSAMA THE STAR



Cagamas membuat kunjungan hormat ke pejabat The Star Media Group di mana delegasi yang diketuai oleh Encik Azizi Ali, Naib Presiden Kanan, Perniagaan Islam, bertemu dengan Encik Devid Rajah – Ketua Editor Berita, Encik M. Shanmugam – Editor Khas dan Encik Jagdev Singh Sidhu – Editor Rencana.

32. LARIAN MIGHTY DANAJAMIN 2017 (DANAJAMIN MIGHTY RUN 2017)



Cagamas mengambil bahagian dalam Larian Mighty Danajamin 2017 (Danajamin Mighty Run 2017) yang dianjurkan oleh Danajamin Nasional Berhad. Dana terkumpul telah membantu Persatuan Autisme Kebangsaan Malaysia.

31. LAWATAN AKADEMIK DARIPADA POLITEKNIK METRO JOHOR BAHRU



Cagamas menerima kunjungan para pelajar daripada Fakulti Kewangan dan Perbankan Islam, Politeknik METRO Johor Bahru. Para pelajar ini telah diberi taklimat mengenai produk Islam dan sukuk Cagamas.

SEPTEMBER

33. SIDANG KEMUNCAK PENDAPATAN TETAP ASIA 2017 (ASIAN FIXED INCOME SUMMIT 2017)



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mewakili Cagamas sebagai jurucakap pada Sidang Kemuncak Pendapatan Tetap Asia Ke-4 (4th Asian Fixed Income Summit) (AFIS). Dianjurkan oleh PT Sarana Multigriya Finansial (PERSERO), AFIS telah diadakan di Bali, Indonesia. Datuk Chung bercakap pada sesi panel mengenai *Melabur dalam Sektor Perumahan melalui Perbadanan Gadaian Janji Sekunder*.

SEPTEMBER

34. MESYUARAT PASARAN GADAI JANJI SEKUNDER ASIA 2017 (ASIAN SECONDARY MORTGAGE MARKET MEETING 2017)



Persatuan Pasaran Gadai Janji Sekunder Asia (ASMMA) mengadakan mesyuarat tahunan ke-4 nya di Bali, Indonesia. Mesyuarat ini menyaksikan ketua-ketua institusi gadai janji sekunder daripada negara-negara anggota termasuk Malaysia, Filipina, Indonesia, Jepun, Korea, Thailand, Mongolia dan Hong Kong berkumpul untuk berkongsi pengetahuan, kepakaran dan inovasi produk. Mesyuarat tahun ini juga menyaksikan penyertaan daripada World Bank dan Asian Development Bank.

36. LAWATAN OLEH THE HOUSING & URBAN DEVELOPMENT INSTITUTE, INDONESIA



Cagamas menerima kunjungan delegasi daripada The Housing & Urban Development Institute, Indonesia untuk sesi berkongsi pengetahuan mengenai operasi dan perniagaan Cagamas. Delegasi ini antara lain adalah wakil daripada Kementerian Pekerjaan Umum dan Perumahan Rakyat Republik Indonesia, PT Sarana Multigriya Finansial (PERSERO), pakar perumahan serta pensyarah daripada universiti negeri dan swasta.

38. MAJLIS MAKAN MALAM ULANGTAHUN KE-30 KUMPULAN SYARIKAT CAGAMAS



Cagamas menandakan perayaan ulang tahun ke-30 pada majlis yang telah dimeriahkan oleh Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Muhammad Ibrahim.

35. BURSA BULL CHARGE 2017



Sebagai sebahagian daripada Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), Cagamas menyertai Bursa Bull Charge ke-4 yang dianjurkan oleh Bursa Malaysia Berhad. Dana yang terkumpul adalah untuk rumah dan persatuan amal yang terpilih.

37. HARI KELUARGA CAGAMAS DI SUNWAY LAGOON



Lebih daripada 200 orang termasuk kakitangan dan ahli keluarga mereka mengambil bahagian dalam Hari Keluarga Cagamas yang telah diadakan di Sunway Lagoon.

Kemuncak Korporat (Sambungan)

24

CAGAMAS HOLDINGS BERHAD | Laporan Tahunan 2017

OKTOBER

39. FORUM KEWANGAN ISLAM KUALA LUMPUR KE-14 2017 (14TH KUALA LUMPUR ISLAMIC FINANCE FORUM 2017)



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mewakili Cagamas sebagai jurucakap pada Forum Kewangan Islam Kuala Lumpur Ke-14 2017 (14th Kuala Lumpur Islamic Finance Forum 2017). Datuk Chung bercakap pada sesi panel mengenai *Tinjauan Sukuk Global-Trend dan Prospek*.

40. ACARA SUKAN CAGAMAS-RAM 2017



Bersempena sambutan ulang tahun ke-30 Cagamas, karnival sukan telah dianjurkan oleh Cagamas bersama Rating Agency Malaysia untuk merapatkan hubungan silaturahim di antara kedua-dua syarikat. Antara permainan yang dipertandingkan termasuk badminton, futsal, bola jaring dan ping pong. Cagamas muncul sebagai juara keseluruhan untuk permainan ini.

41. SIDANG KEMUNCAK ISLAMIC FINANCIAL SERVICES BOARD 2017 (ISLAMIC FINANCIAL SERVICES BOARD SUMMIT 2017)



Penyertaan Cagamas sebagai Penaja Jenama pada Sidang Kemuncak Islamic Financial Services Board 2017 (Islamic Financial Services Board Summit 2017) di Abu Dhabi, dianjurkan oleh Central Bank of United Arab Emirates dan Gabenornya, H.E. Mubarak Rashed Al Mansoori. Persidangan selama tiga hari itu merangkumi topik-topik berdasarkan tema *Menyemarakkan Momentum Kewangan Islam: Menguatkan Ketahanan dan Mempertahankan Pertumbuhan*.

42. MESYUARAT PERNIAGAAN BERSAMA PARA PELABUR DI ABU DHABI, SHARJAH DAN DUBAI



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mengetuai delegasi daripada Cagamas untuk mesyuarat perniagaan dengan para pelabur di Abu Dhabi, Sharjah dan Dubai.

NOVEMBER

43. SIDANG KEMUNCAK TENAGA KEPIMPINAN ASIA 2017 (LEADERSHIP ENERGY SUMMIT ASIA 2017)



Penyertaan Cagamas sebagai penaja bersama pada Sidang Kemuncak Tenaga Kepimpinan Asia 2017 (Leadership Energy Summit Asia 2017) yang telah dianjurkan oleh ICLIF Leadership & Governance Centre di Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia.

44. MESYUARAT PERNIAGAAN BERSAMA PARA PELABUR DI SINGAPURA



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mengetuai delegasi daripada Cagamas untuk beberapa siri mesyuarat perniagaan di Singapura.

45. SIDANG KEMUNCAK PASARAN BON ASIA THE ASSET KE-12 (THE ASSET 12TH ASIAN BOND MARKETS SUMMIT)



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mewakili Cagamas sebagai jurucakap pada Sidang Kemuncak Pasaran Bon Asia The Asset Ke-12 (The Asset 12th Asian Bond Markets Summit) di Singapura. Beliau bercakap pada sesi panel mengenai *Dua Puluh Tahun selepas Krisis*. Cagamas juga turut serta sebagai penaja perak pada acara tersebut.

46. CERAMAH PELABURAN KEPADA KOLEJ UNIVERSITI TUNKU ABDUL RAHMAN



Penolong Naib Presiden, Perbendaharaan & Pasaran Modal, Encik Mandeep Singh mewakili Cagamas sebagai jurucakap pada Ceramah Pelaburan di Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman. Beliau bercakap mengenai topik *Cagamas dan Peranannya dalam Pembangunan Pasaran Modal di Malaysia*.

47. SIRI MEJABULAT ASEAN – MEMPERLUAS PANGKALAN PELABUR DI PASARAN BON ASEAN



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mewakili Cagamas sebagai jurucakap pada perbincangan mejabulat bertajuk *Memperluas Pangkalan Pelabur di Pasaran Bon ASEAN* yang dianjurkan oleh CIMB Asean Research Institute, dengan kerjasama ASEAN Business Club dan Asian Development Bank di Kuala Lumpur. Datuk Chung bercakap mengenai topik *Mempelbagaikan Dana Pembiayaan dan Pangkalan Pelabur-Perspektif Penerbit*.

Tanggungjawab Sosial Korporat

26

CAGAMAS HOLDINGS BERHAD | Laporan Tahunan 2017

Kerana kami fokus pada peranan kami dalam menggalakkan pemilikan rumah dan pertumbuhan pasaran modal negara, kami terus menggunakan prinsip-prinsip tanggungjawab sosial terhadap operasi kami seperti memastikan ketelusan dan integriti dalam tadbir urus, meningkatkan peluang yang sama, menghapuskan diskriminasi, mengurangkan dan menguruskan kesan alam sekitar kami dan meningkatkan polisi sifat dermawan jangka panjang serta menggalakkan penglibatan sosial kakitangan kami.



Di Cagamas, kami percaya dalam memberi semula kepada komuniti kami dan kami komited untuk menyediakan sokongan melalui inisiatif mampan yang menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan. Sebagai sebahagian daripada usaha Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) kami, Cagamas terus memberi bantuan kepada yang kurang bernasib baik melalui inisiatif CSR dan Zakat yang berterusan. Bagi tahun ini, penyertaan Cagamas sebagai Rakan Ikrar Korporat untuk kempen #EmpoweredTo Unlock MY Potential, Teach for Malaysia (TFM) yang selaras dengan usaha Syarikat untuk mempromosikan mampan, sosial positif serta perubahan alam sekitar melalui pendidikan.

Program Biasiswa Cagamas (CSP) yang dilancarkan pada 2016 terus memperluhatkan Syarikat menjangkau rakyat Malaysia yang layak dalam memerlukan bantuan kewangan untuk meneruskan pelajaran mereka. Proses pemilihan yang rapi, bangsa, jantina dan neutral minoriti diamalkan selaras dengan dasar kepelbagaian Syarikat. Peluang yang sama diberikan kepada semua pemohon di dalam Malaysia yang memenuhi kriteria pemilihan. Kini dalam pendaftaran keduanya, CSP mempunyai seramai sebelas orang mahasiswa.

Cagamas juga menaja pembinaan rumah untuk penerima yang layak di bawah inisiatif Zakatnya dan membantu ibu tunggal dengan menyalurkan dana ke arah pembelian peralatan dikehendaki untuk perniagaan setiap penerima bagi meningkatkan produktiviti maka menjana lebih banyak pendapatan.

Sepanjang tahun ini, Syarikat terus menyokong pelbagai langkah hijau untuk mewujudkan pejabat yang lebih mesra alam serta meningkatkan kesedaran pekerja terhadap kaedah pengurangan sisa dan pemuliharaan tenaga.

Nisbah Modal Teras Kumpulan (CCR) dan Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) masing-masing berada pada 33.6% dan 35.1% pada akhir tahun 2017. Tidak termasuk CMBS, untuk tempoh yang sama, CCR dan RWCR Kumpulan adalah 24.0% dan 25.4% masing-masing. Jumlah dana pemegang syer untuk Kumpulan meningkat kepada RM6.1 bilion daripada RM5.9 bilion, manakala aset ketara bersih sesyer adalah lebih tinggi pada RM40.3, berbanding dengan RM39.6 tahun sebelumnya.

Cagamas mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM320.8 juta pada 2017 berbanding RM332.0 juta pada 2016. Pendapatan sesyer Cagamas adalah 161.1 sen pada 2017 berbanding 170.0 sen pada 2016. Jumlah dana pemegang syer meningkat sebanyak 6.4% kepada RM3.4 bilion dan bersamaan dengan ini, aset ketara bersih sesyer berjumlah RM22.7. CCR & RWCR Cagamas masing-masing kekal kukuh pada 20.9% dan 22.3%.

Aktiviti jaminan di bawah CSRP telah mencapai peningkatan 62.9% dalam premium yang diterima dan gabungan pengingkatan memberangsangkan sebanyak 109% dalam pinjaman yang dijamin di bawah skim SRP dan SPB. Keuntungan sebelum cukai bagi aktiviti-aktiviti jaminan meningkat hampir dua kali ganda kepada RM4.3 juta pada 2017, berbanding dengan RM2.3 juta pada tahun sebelumnya.

Keupayaan Cagamas untuk menarik pelaburan dalam bon dan sukuknya telah disokong oleh penarafan kreditnya yang kukuh, rekod prestasi permodalan yang tinggi, kualiti aset yang mantap dan keuntungan yang stabil. Ini ditampilkan oleh keupayaannya untuk mengekalkan penarafan antarabangsa A3 oleh Moody's Investors Service (Moody's) dan penarafan domestik AAA oleh kedua-dua Malaysian Rating Corporation Berhad dan RAM Rating Services Berhad.

Cagamas kekal memainkan peranan aktif dalam memudahkan pengantaraan yang lebih mendalam dalam sektor kewangan Malaysia dengan menyediakan penyelesaian kecairan, modal dan pengurusan risiko. Syarikat juga menawarkan sumber dan tenor pembiayaan yang lebih luas untuk institusi-institusi kewangan. Nilai urusniaga PWR pada tahun 2017 adalah RM14.0 bilion, melambangkan catatan tertinggi dalam sejarah Cagamas. Pinjaman dan pembiayaan terkumpul Cagamas berjumlah RM37.6 bilion pada akhir Disember 2017.

Penyata Pengerusi (Sambungan)

46

CAGAMAS HOLDINGS BERHAD | Laporan Tahunan 2017

DIVIDEN

Untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017, Kumpulan mengisyiharkan dividen sebanyak 20 sen sesyer kepada para pemegang syar' biasa.

INISIATIF-INISIATIF PADA TAHUN 2017

Cagamas berbangga dengan iltizamnya terhadap piawaian integriti dan etika yang paling tinggi, yang jelas terbukti oleh usaha beberapa langkah sepanjang tahun untuk meningkatkan rangka kerja tadbir urus kami. Lembaga Pengarah telah menerima pakai piagam berdasarkan garis panduan Tadbir Urus Korporat Bank Negara Malaysia yang mentakrifkan tugas, tanggungjawab dan liabiliti para Pengarah serta pembahagian tanggungjawab antara Lembaga, Jawatankuasa Lembaga, Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif. Piagam ini tertakluk kepada kajian semula secara berkala untuk memastikan konsistensi dengan niat strategik Lembaga dan piawaian tadbir urus korporat yang berkaitan.

Projek Sistem Pentadbiran Pinjaman (LAS) yang dilancarkan secara rasmi pada bulan November 2016, sedang dilaksanakan secara berperingkat dan fasa terakhirnya dijangka lengkap pada 2018. Ini akan membolehkan Cagamas untuk meningkatkan kecekapan operasi dengan menambahbaik keupayaan Syarikat untuk memproses data dan melaksanakan perancangan dan analisis senario secara lebih cekap dan berkesan.

Pada tahun 2017, Cagamas telah menyambut ulang tahunnya ke-30 dan melaksanakan beberapa inisiatif untuk menyambut peristiwa penting ini. Ini termasuk menganjurkan Dialog mengenai Pembangunan Mampan Perumahan Mampu Milik. Objektif dialog ini adalah untuk mewujudkan sebuah platform bagi pertukaran pandangan di kalangan pakar-pakar industri untuk membincangkan isu-isu berkaitan dengan perumahan yang berpatutan di dalam dan di luar negara, serta menyelaraskan aspirasi bagi mewujudkan perumahan yang mampu milik sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk memenuhi mandatnya untuk menggalakkan pemilikan rumah di kalangan rakyat Malaysia. Dialog ini disambut dengan baik oleh industri dan telah membawa hasil dalam bentuk idea dan cadangan. Cagamas juga telah menganjurkan sesi Pengenalan Pasaran Modal untuk ahli media yang mendapat sambutan yang amat menggalakkan.

Sebagai sebahagian daripada usaha Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), Cagamas kekal memberikan bantuan kepada golongan yang kurang berasib baik dengan memberikan manfaat ekonomi, sosial dan alam sekitar yang mampan menerusi inisiatifnya. Pada tahun ini, kami telah mengambil bahagian sebagai Rakan Kongsi Ikrar Korporat untuk Teach For Malaysia (TFM) #Empowered To Unlock MY Potential Campaign. Cagamas juga telah memberikan sokongan berterusan kepada ibu-ibu tunggal dan golongan kurang upaya dengan memperkasakan mereka untuk berdikari menerusi organisasi seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Independent Living & Training Centre Malaysia. Cagamas juga masih meneruskan program tajaan pembinaan rumah bagi penerima yang layak di bawah kategori asnaf. Inisiatif ini menyaksikan penyiapan dua buah rumah di Batang Kali, Selangor dengan sejumlah 41 rumah telah siap sehingga kini.

Di samping itu, Cagamas telah melancarkan penerbitan tajaannya, Islamic Finance in Malaysia, Growth & Development yang merupakan kerjasama dengan Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF). Buku ini merupakan aspirasi kami untuk memacu kedudukan Malaysia sebagai hab kewangan Islam antarabangsa yang akan membangunkan lagi sektor kewangan Islam negara. Kami juga telah mengadakan Bengkel Ceria Berbahasa Malaysia untuk membantu kanak-kanak dan anak yatim yang kurang berasib baik dari Rumah Amal Raudhatul Jannah untuk meningkatkan kemahiran bahasa ibunda mereka.

Program Biasiswa Cagamas (CSP) yang dilancarkan pada tahun 2016 terus menyaksikan Syarikat menjangkau kepada rakyat Malaysia yang memerlukan bantuan kewangan untuk meneruskan pendidikan mereka melalui pendaftaran kumpulan kedua untuk para mahasiswa CSP. Ini adalah selaras dengan kepercayaan kami bahawa pendidikan adalah pelaburan modal insan, yang seterusnya akan mempengaruhi pertumbuhan dan pembangunan negara.

Syarikat masih menyediakan kakitangan dengan pakej imbuhan kompetitif dan faedah sampingan, peluang laluan kerjaya dan pembangunan yang menggalakkan serta persekitaran kerja yang sihat dan selamat. Syarikat mengekalkan tenaga kerja yang secukupnya dan cekap meskipun peningkatan dalam skop operasi dan kerumitan produk yang ditawarkan. Syarikat menyedari betapa pentingnya pembangunan kakitangan yang berterusan dan telah menumpukan sumber yang banyak kepada peningkatan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan profesional kakitangannya.

PROSPEK

Momentum pertumbuhan yang sihat pada tahun 2017 dijangka akan berterusan pada tahun 2018. Aliran yang telah mendorong pertumbuhan ekonomi pada tahun 2017 akan dijangka terus kekal pada tahun 2018. Keadaan pasaran buruh yang menggalakkan akan terus meningkatkan penggunaan swasta, sementara pertumbuhan yang sihat akan meningkatkan perdagangan di seluruh dunia. Meskipun dasar pengetatan kewangan yang berterusan di Amerika Syarikat, keadaan kewangan global dijangka kekal akomodatif. Pemulihian ekonomi yang berterusan berkemungkinan akan menjangkaui kebanyakan pasaran baru muncul bersandarkan harga komoditi yang lebih kukuh.

Walaupun pertumbuhan jangka pendek mungkin mengejutkan kenaikan harga, tinjauan global masih menghadapi risiko penurunan yang besar, termasuk kemungkinan tekanan kewangan, peningkatan perlindungan, dan ketegangan geopolitik yang semakin meningkat.

Peningkatan dalam kos pinjaman secara tiba-tiba, yang dicetuskan oleh penilaian semula kadar normalisasi dasar monetari ekonomi maju, keimbangan yang semakin meningkat mengenai penilaian aset yang tinggi dan inflasi, boleh menyebabkan tekanan kewangan dan mengganggu aliran modal ke pasaran baru muncul.

Asia akan kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan, menyumbang lebih daripada satu pertiga daripada pertumbuhan global. Asia juga dijangka mengalami pemulihian harga komoditi yang sederhana dan berterusan, permintaan luar negeri yang lebih baik dan keadaan pembiayaan yang menggalakkan.

Ekonomi Malaysia dijangka terus kukuh dengan unjuran pertumbuhan lebih daripada 5% pada tahun 2018, didorong oleh aktiviti domestik yang mampan dan permintaan luaran yang kukuh. Prospek untuk aktiviti pelaburan akan kekal positif, didorong oleh projek infrastruktur baru dan berterusan dan perbelanjaan modal oleh firma yang berorientasikan kedua-dua eksport dan domestik.

Asia akan kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan, menyumbang lebih daripada $\frac{1}{3}$ daripada pertumbuhan global



PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para pemegang syer kami atas keyakinan dan sokongan mereka yang berterusan. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada badan-badan kawalselia, terutamanya Kementerian Kewangan Malaysia, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan dan Bursa Malaysia di atas segala panduan dan sokongan mereka.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Dato' Ooi Sang Kuang atas sumbangan berharga beliau semasa khidmat beliau sebagai Pengerusi Lembaga dan pelbagai entiti dalam kumpulan syarikat-syarikat Cagamas.

Akhir sekali, Lembaga Pengarah ingin meluahkan penghargaan yang tidak terhingga kepada pihak Pengurusan dan kakitangan kumpulan syarikat-syarikat Cagamas di atas dedikasi, komitmen dan sumbangan berharga mereka kepada Kumpulan sepanjang tahun ini.

Nik Mohd Hasyudeen Yusoff
Pengerusi

Cagamas tetap komited kepada mandatnya untuk membantu rakyat Malaysia mendapat akses kepada pembiayaan rumah mampu milik dan berdaya saing. Cagamas akan terus memainkan peranan proaktif dalam menyokong inisiatif pemilikan rumah mampu milik Kerajaan dan pada masa yang sama membantu meningkatkan kedalaman dan keluasan pasaran bon Malaysia pada 2018.

MENGGALAK

PERKONGSIAN

YANG KUKUH UNTUK MELONJAK
KEHADAPAN



Penyata Tadbir Urus Korporat

50

CAGAMAS HOLDINGS BERHAD | Laporan Tahunan 2017

Lembaga Pengarah Cagamas Holdings Berhad (Lembaga Pengarah) adalah komited untuk memastikan bahawa Syarikat dan anak-anak Syarikatnya (Kumpulan), mengamalkan piawaian tertinggi bagi urus tadbir korporat supaya urusan dilaksanakan dengan penuh integriti dan profesionalisme untuk melindungi prestasi kewangan Kumpulan ini dan meningkatkan nilai jangka panjang para pemegang syer. Untuk tujuan ini, Lembaga Pengarah telah menggunakan piawai tertinggi urus tadbir korporat Malaysia 2016 Bank Negara Malaysia (BNMCG) untuk institusi kewangan sebagai prinsip panduan untuk memastikan bahawa piawai tertinggi urus tadbir korporat diamalkan dalam Syarikat dan Kumpulan ini.

LEMBAGA PENGARAH

Komposisi dan Kebebasan Para Pengarah

Lembaga Pengarah dianggotai oleh lapan Pengarah Bukan Eksekutif yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan/wakil dan ketua-ketua eksekutif daripada Bank Negara Malaysia dan institusi kewangan, serta ahli profesional berpengalaman yang dicalonkan oleh Lembaga Pengarah.

Berdasarkan kepada kriteria BNMCG, separuh daripada para Pengarah Cagamas Holdings Berhad adalah dianggap bebas kerana mereka bebas secara karakter dan pertimbangan dan bebas daripada perkaitan dengan hal-hal yang boleh mengganggu pelaksanaan pertimbangan bebas mereka. Para Pengarah tidak menyertai dalam urusan harian perniagaan Syarikat. Para Pengarah memberikan pandangan yang objektif dan bebas untuk pertimbangan Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah menggunakan piawai tertinggi urus tadbir korporat BNMCG ke atas had tempoh pelantikan Pengarah Bebas agar tidak melangkaui sembilan (9) tahun kecuali dalam keadaan luar jangka. Jumlah had tempoh bagi 9 tahun bagi Pengarah Bebas berkemungkinan dipanjangkan di bawah keadaan luar jangka yang boleh ditentukan oleh Lembaga Pengarah setelah dicadangkan oleh Jawatankuasa Urus Tadbir Lembaga Pengarah Kumpulan (GBGC). Dalam keadaan jumlah had tempoh bagi Pengarah Bebas dipanjangkan melebihi 9 tahun, kelulusan pemegang syer akan diperolehi pada Mesyuarat Agung Tahunan.

GBGC dan Lembaga Pengarah selepas penilaian tahunan, telah merumuskan bahawa Pengarah Bebas Bukan Eksekutif terus menunjukkan tindakan dan perilaku yang mereka adalah bebas dan setiap daripada mereka secara berterusan memenuhi definisi bebas yang ditetapkan di dalam BNMCG.

Kesemua Pengarah dalam Kumpulan, termasuk di peringkat anak syarikat, memiliki pengalaman yang meluas dan mendalam dalam makroekonomi, perbankan dan perkhidmatan kewangan, pasaran modal dan pengurusan institusi kewangan. Secara kolektif, para Pengarah membawa bersama mereka kemahiran dan pengetahuan yang meluas dan pelbagai dalam bidang perbankan dan kewangan, pasaran modal, perakaunan, ekonomi dan pengurusan risiko.

Tugas dan Tanggungjawab Jelas

Lembaga Pengarah telah menerima piagam untuk memberi rujukan kepada Pengarah berkaitan dengan peranan, tugas dan tanggungjawab Lembaga Pengarah, pembahagian tanggungjawab antara Lembaga Pengarah dengan Jawatankuasa Lembaga Pengarah, Pengurus dengan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO). Piagam Lembaga Pengarah adalah subjek kepada penilaian berkala untuk memastikan ia bersifat konsisten dengan hasrat strategik Lembaga Pengarah dan standard yang berkaitan dengan tadbir urus korporat.

Halatuju dan kawalan bagi Kumpulan terletak di bawah Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengarah memegang tanggungjawab keseluruhan bagi urus tadbir korporat, halatuju strategik, selera risiko, formulasi dasar, memantau operasi Kumpulan dan tatacara dan prestasi bagi CEO dan Pengurusan Kanan. Lembaga Pengarah memastikan bahawa satu sistem yang sesuai diletak untuk mengenalpasti risiko-risiko ketara Kumpulan dan bahawa kawalan dalaman yang sesuai dilaksanakan untuk menguruskan risiko-risiko tersebut. Lembaga Pengarah juga dipertanggungjawabkan untuk memastikan kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman dan sistem pengurusan maklumat Kumpulan, termasuk pematuhan kepada undang-undang terpakai, syarat-syarat, peraturan, perintah dan garis panduan.

Urusan penyeliaan pengurusan risiko dalam Kumpulan ini dikendalikan oleh Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah (BRC) Cagamas Berhad. BRC menyelia pembangunan strategi pengurusan risiko, dasar, proses dalaman yang kritis dan sistem untuk menilai, mengukur, mengurus, memantau dan melaporkan pendedahan risiko dalam Kumpulan. BRC melapor terus kepada Lembaga Pengarah Cagamas Berhad yang kemudiannya, akan memaklumkan dan jika perlu, mendapat maklum balas daripada Lembaga Pengarah Cagamas Holdings Berhad tentang keputusan yang diambil berkaitan penilaian risiko dan hal-hal berkaitan risiko. BRC disokong oleh Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan (RMD) Cagamas Berhad yang bertanggungjawab untuk melaksanakan penilaian risiko dan penilaian terhadap operasi Cagamas Berhad dan anak-anak Syarikat yang lain. Ketua Pegawai Risiko melapor terus kepada BRC. RMD juga menyerahkan penilaian risiko kepada Lembaga Pengarah anak-anak Syarikat masing-masing.

Lembaga Pengarah menyelia pelaksanaan dan prestasi perniagaan Kumpulan ini dengan menyemak dan meluluskan rancangan perniagaan strategik dan bajet tahunan Kumpulan ini. Petunjuk Prestasi Utama tahunan dan jangka sederhana bagi CEO dan Pengurusan Kanan Syarikat ini dibincang dan ditetapkan oleh Lembaga Pengarah. Kemaskini berkenaan operasi utama Kumpulan ini dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk semakan pada setiap mesyuarat Lembaga Pengarah. Selain itu, hal-hal penting yang dibentangkan kepada Lembaga Pengarah anak-anak Syarikat ini juga dikemukakan kepada Lembaga Pengarah untuk makluman atau pengesahan.

Pengerusi bagi Syarikat mengetuai Lembaga Pengarah dan memastikan bahawa ianya berfungsi secara berkesan dalam memenuhi kemampuan dan tanggungjawab. Sebagai syarikat pemegangan pelaburan, Cagamas Holdings Berhad tidak mempunyai Ketua Pegawai Eksekutif ataupun kakitangan lain. Namun begitu, operasi harian Kumpulan dilaksanakan oleh entiti operasi utama, iaitu Cagamas Berhad.

Di Cagamas Berhad, tersedia suatu pemisahan yang jelas bagi tugas dan tanggungjawab di antara Pengerusi dan CEO bagi Cagamas Berhad. Pengerusi menyediakan peranan kepimpinan kepada Lembaga Pengarah/Kumpulan dan memastikan bahawa Lembaga Pengarah berfungsi secara berkesan; beliau mengetuai perbincangan mengenai strategi, dasar, selera risiko dan pengendalian perniagaan secara keseluruhan bagi Kumpulan. CEO bagi Cagamas Berhad mengetuai pihak Pengurusan Cagamas Berhad dan bertanggungjawab terhadap pelaksanaan strategi dan dasar berkenaan serta pengendalian urusan-urusian harian perniagaan Kumpulan ini.

Setiausaha Syarikat

Para Pengarah mempunyai akses tersedia dan tidak terbatas kepada nasihat dan perkhidmatan Setiausaha Syarikat untuk membolehkan mereka melaksanakan tugas dengan berkesan. Lembaga Pengarah sering dikemaskini dan dimaklumkan oleh Setiausaha Syarikat dan Pegawai Pematuhan yang berpengalaman dan berpengetahuan mengenai undang-undang baru dan arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kawal selia serta implikasi kepada Kumpulan dan para Pengarah berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab mereka. Setiausaha Syarikat menghadiri dan memastikan bahawa semua mesyuarat Lembaga Pengarah berlangsung secara teratur, dan rekod prosiding yang tepat dan betul serta resolusi yang diluluskan diambil dan direkodkan dalam pendaftaran berkanun di pejabat berdaftar Syarikat. Setiausaha Syarikat memudahkan komunikasi yang tepat pada masanya terhadap keputusan yang dibuat serta dasar-dasar yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan (GBAC) dan GBGC kepada Pengurusan Kanan untuk tindakan.

Mesyuarat Lembaga Pengarah

Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat sebanyak empat kali untuk membincangkan pelbagai perkara termasuk prestasi perniagaan Syarikat, profil risiko, rancangan perniagaan dan isu-isu strategik yang memberi kesan kepada perniagaan Kumpulan. Laporan untuk Lembaga Pengarah yang memberikan maklumat kemaskini tentang operasi, kewangan, profil risiko, isu-isu kawal selia dan perkembangan korporat dihantar kepada para Pengarah terlebih dahulu sebelum setiap mesyuarat.

Kesemua para Pengarah boleh mendapat nasihat terus daripada Pengurusan Kanan Cagamas Berhad. Dalam melaksanakan tugas mereka, Ahli Lembaga Pengarah berhak untuk mendapat nasihat daripada ahli profesional bebas dengan perbelanjaan ditanggung oleh Syarikat, pada dan ketika keadaan yang diperlukan.

Kehadiran Pengarah pada mesyuarat Lembaga Pengarah pada sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti di bawah:

Pengarah Semasa	Jawatan/Bebas	Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah
Nik Mohd Hasyudeen bin Yusoff	Pengerusi, Bebas	4/5
Datuk Shaik Abdul Rasheed bin Abdul Ghaffour	Bukan Bebas	4/5
Tan Sri Dato' Sri Tay Ah Lek	Bukan Bebas	4/5
Datuk George Ratilal	Bebas	2/5
Datuk Abdul Farid bin Alias	Bukan Bebas	4/5
Datuk Azizan bin Hj Abd Rahman	Bebas	5/5
Dato' Lee Kok Kwan	Bukan Bebas	4/5
Wan Hanisah binti Wan Ibrahim	Bebas	5/5

Penyata Tadbir Urus Korporat (Sambungan)

52

CAGAMAS HOLDINGS BERHAD | Laporan Tahunan 2017

Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Pada masa ini, Lembaga Pengarah dibantu oleh GBAC dan GBGC, yang beroperasi mengikut terma rujukan spesifik (“TOR”) seperti yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

GBGC terdiri daripada tiga Pengarah Bukan Eksekutif, antaranya:

Datuk Shaik Abdul Rasheed bin Abdul Ghaffour
Tan Sri Dato' Sri Tay Ah Lek
Encik Nik Mohd Hasyudeen bin Yusoff

Tanggungjawab utama GBGC ialah untuk menilai praktis urus tadbir korporat bagi Kumpulan dan untuk memastikan bahawa praktis urus tadbir Kumpulan adalah selari dengan amalan terbaik. GBGC juga bertangungjawab menilai secara tahunan keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhan, Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan sumbangan setiap Pengarah individu, dan mencadangkan pelantikan ke Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Dengan tertubuhnya GBGC, satu prosedur formal telah diutuhkan untuk mengenalpasti, mencalonkan dan menilai Lembaga Pengarah dan mencadang bagi pelantikan ke Lembaga Pengarah atau Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Keputusan bagi siapa yang akan dicalonkan adalah tanggungjawab Lembaga Pengarah bagi setiap syarikat masing-masing selepas mempertimbangkan cadangan-cadangan dan input-input daripada GBGC.

Jawatankuasa-jawatankuasa lain yang terdiri daripada Jawatankuasa Eksekutif Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Pampasan Kakitangan dan Organisasi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah kekal di Cagamas Berhad.

Pelantikan dan Pemilihan Semula Pengarah

Para Pengarah dicalonkan oleh para pemegang syer atau ahli-ahli Lembaga Pengarah. Pencalonan ini disemak oleh GBGC yang kemudiannya mengemukakan cadangan kepada Lembaga Pengarah untuk diluluskan.

Menurut Artikel Pertubuhan (Artikel) Syarikat ini, sekurang-kurangnya satu pertiga daripada para Pengarah akan bersara daripada jawatan mereka pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Syarikat ini dan mereka boleh menawarkan diri untuk dilantik semula. Artikel ini juga menyatakan bahawa para Pengarah dilantik oleh Lembaga Pengarah pada sesuatu tahun tertakluk kepada pelantikan oleh para pemegang syer pada AGM yang akan datang.

Ganjaran Pengarah

Dasar Syarikat dalam pembayaran ganjaran Pengarah adalah perlu untuk menarik dan mengekalkan para Pengarah yang berkualiter dan berpengalaman yang boleh memberi pandangan yang jelas dan berkesan untuk aktiviti-aktiviti Kumpulan. GBGC menilai ganjaran kepada Pengarah Bukan Eksekutif setiap tiga tahun untuk memastikan bahawa Pengarah diganjarkan selayaknya di atas sumbangan mereka kepada Kumpulan, mengambil kira tahap kepakaran, komitmen dan tanggungjawab yang dilaksanakan.

Cadangan yuran para Pengarah dan manfaat Pengarah adalah bergantung kepada kelulusan para pemegang syer pada AGM. Jumlah ganjaran yang akan dibayar kepada semua para Pengarah bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 dinyatakan dalam Nota 33 kepada penyata kewangan.

Latihan Pengarah

Sebilangan para Pengarah terdiri daripada Pengarah syarikat tersenarai awam dan telah mengikuti program latihan akreditasi mandatori seperti yang disyaratkan di bawah Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama oleh Bursa Securities. Sebilangan besar para Pengarah Cagamas Berhad telah menghadiri Program Teras Financial Institutions Directors' Education (FIDE). Program latihan tahunan Pengarah difokuskan kepada perkembangan berterusan set kemahiran para Pengarah dan dikemaskini berkaitan pembangunan terkini dalam sektor perkhidmatan kewangan termasuk perundangan dan peraturan-peraturan baru yang berkaitan.

Hubungan Dengan Pelabur Dan Komunikasi Dengan Pemegang Syer

Lembaga Pengarah sedia maklum tentang kepentingan komunikasi yang berkesan dan bertepatan masa dengan para pemegang syer dan pemegang berkepentingan. Kumpulan ini menghebahkan strategi, rancangan, maklumat kewangan dan produk baru kepada para pemegang syer dan pelabur melalui surat, Laporan Tahunan, kenyataan dan pengumuman akhbar, serta melalui saluran maklumat kewangan yang lain seperti Bloomberg, Thomson Reuters, Bursa, Labuan International Financial Exchange dan Singapore Exchange Limited. Forum utama untuk berdialog dengan para pemegang syer adalah di AGM. Pada AGM tersebut, Pengurus menerangkan tentang prestasi Kumpulan ini dan memberi peluang kepada para pemegang syer untuk mengajukan soalan dan mendapatkan penjelasan tentang perniagaan dan prestasi Kumpulan ini.

Cagamas Berhad, mengendalikan sebuah laman sesawang, www.cagamas.com.my yang menyediakan maklumat terkini dan menyeluruh mengenai produk, kadar dan maklumat kewangan Kumpulan ini.

KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN AUDIT

Laporan Kewangan

Matlamat Lembaga Pengarah adalah untuk membentangkan taksiran yang seimbang tentang kedudukan kewangan dan prospek Syarikat ini di dalam penyata kewangan tahunannya kepada para pemegang syer dan bon. Selepas perbincangan dengan Ketua Pegawai Kewangan, Naib Presiden/Ketua Audit Dalaman dan juruaudit luar, para Pengarah menentukan dan mengisyiharkan bahawa di dalam penyediaan penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017, penyata kewangan Syarikat ini telah disediakan sejajar dengan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa, Akta Syarikat, 2016 di Malaysia dan telah menggunakan dasar-dasar perakaunan yang wajar diterima pakai secara konsisten dan disokong oleh anggaran dan andaian yang munasabah.

Kawalan Dalaman

Penyata Kawalan Dalaman Syarikat ini diterangkan pada muka surat 58 hingga 59 di dalam Laporan Tahunan ini.

Hubungan Dengan Juruaudit

Laporan tentang peranan dan tanggungjawab GBAC berhubung dengan juruaudit dalaman dan luar diterangkan pada muka surat 54 hingga 57 di dalam Laporan Tahunan ini. Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017, juruaudit luar Syarikat ini telah menghadiri dua mesyuarat yang diadakan dengan GBAC. Mesyuarat pertama adalah untuk melaporkan penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, dan mesyuarat kedua adalah untuk membentangkan rancangan dan skop audit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017. Pada salah satu mesyuarat tersebut, satu sesi telah diadakan di antara GBAC dan juruaudit luar tanpa kehadiran kakitangan Pengurusan. Juruaudit luar juga dijemput untuk menghadiri mesyuarat agung tahunan Syarikat dan bersedia untuk menjawab soalan pemegang saham mengenai audit berkanun dan penyediaan dan kandungan laporan audit mereka.

Ganjaran juruaudit dan juga pembayaran yuran bukan audit dinyatakan pada muka surat 141 di dalam Laporan Tahunan ini.

Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan

54

CAGAMAS HOLDINGS BERHAD | Laporan Tahunan 2017

1. KEAHLIAN

Bagi tahun 2017, ahli Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan (Jawatankuasa) ini terdiri daripada:-

- (a) Datuk George Ratilal (Pengerusi)
- (b) Datuk Azizan Haji Abd Rahman
- (c) Dato' Lee Kok Kwan
- (d) Puan Wan Hanisah Wan Ibrahim

Majoriti Ahli Jawatankuasa adalah terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif Bebas. Kesemua Pengarah tidak terbabit dalam urusan harian Kumpulan ini serta bebas daripada pihak Pengurusan. Kesemua Pengarah tidak memegang syer secara peribadi dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pemegang syer utama Kumpulan ini. Tiada Pengarah, sama ada secara berkumpulan atau individu, yang menguasai atau mempengaruhi Jawatankuasa ini dalam membuat sesuatu keputusan. Para Pengarah memberi pandangan bebas mereka untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa ini.

2. KEHADIRAN DALAM MESYUARAT

Jawatankuasa ini telah mengadakan empat mesyuarat sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 yang turut dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Juruaudit Dalaman. Beberapa pegawai kanan Cagamas Berhad juga turut hadir pada mesyuarat tertentu atas jemputan Jawatankuasa. Kehadiran ahli Jawatankuasa ini dalam mesyuarat adalah seperti berikut:-

Nama Ahli Jawatankuasa	Bilangan mesyuarat yang dihadiri
Datuk George Ratilal	4/4
Datuk Azizan Haji Abd Rahman	4/4
Dato' Lee Kok Kwan	3/4
Puan Wan Hanisah Wan Ibrahim	4/4

Juruaudit Luaran Kumpulan ini, Tetuan PricewaterhouseCoopers telah menghadiri dua mesyuarat Jawatankuasa ini sepanjang tahun berkenaan untuk melaporkan keputusan audit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 dan membentangkan pelan audit dan skop kerja Kumpulan ini untuk tahun kewangan 2017.

3. KOMPOSISI DAN TERMA RUJUKAN

Bidang Kuasa

- (a) Jawatankuasa ini tidak dikenakan sebarang sekatan dalam mendapatkan sebarang maklumat dan dokumen yang berkaitan dengan aktivitinya, dan mereka bebas untuk bertemu dengan Juruaudit Dalaman dan Luaran, dan pihak Pengurusan syarikat-syarikat di dalam Kumpulan ini.
- (b) Jawatankuasa ini diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk mendapatkan khidmat nasihat undang-undang atau khidmat nasihat bebas dari ahli profesional luar serta menjemput pihak luar yang mempunyai pengalaman dan kepakaran yang berkaitan untuk menghadiri mesyuarat sekiranya perlu.
- (c) Jawatankuasa ini diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk menyiasat sebarang aktiviti dalam bidang kuasanya dan ahli-ahli Jawatankuasa berhak mengarahkan kesemua kakitangan untuk memberikan kerjasama sekiranya perlu.

Saiz dan Komposisi

- (a) Jawatankuasa ini hendaklah dilantik oleh Lembaga Pengarah dari kalangan Pengarah bukan eksekutif dan mestilah mempunyai tidak kurang daripada tiga orang ahli yang majoritinya merupakan Pengarah bebas.
- (b) Sekiranya jumlah ahli didapati kurang daripada tiga orang dalam apa juga keadaan, Lembaga Pengarah hendaklah mengisi kekosongan jawatan tersebut dalam tempoh tiga bulan.
- (c) Ahli-ahli Jawatankuasa ini hendaklah melantik seorang Pengerusi, iaitu seorang Pengarah bebas dari kalangan mereka sendiri.
- (d) Sekurang-kurangnya seorang daripada ahli Jawatankuasa ini:-
 - (i) mestilah merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia (Malaysian Institute of Accountants - MIA); atau
 - (ii) jika beliau bukan merupakan ahli MIA, beliau mestilah mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman kerja dan:-
 - beliau mestilah lulus peperiksaan yang dinyatakan dalam Bahagian I dari Jadual Pertama, Akta Akauntan, 1967; atau
 - beliau mestilah merupakan ahli salah satu persatuan akauntan yang dinyatakan dalam Bahagian II dari Jadual Pertama, Akta Akauntan, 1967; atau

- (iii) beliau mestilah memegang ijazah sarjana muda/sarjana/doktor falsafah dalam bidang perakaunan atau kewangan dan mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman pasca kelayakan dalam bidang perakaunan atau kewangan; atau
 - (iv) beliau mestilah mempunyai sekurang-kurangnya 7 tahun pengalaman sebagai Ketua Pegawai Kewangan bagi sebuah syarikat Korporat atau mempunyai fungsi yang memberi tanggungjawab utama untuk mengurus hal ehwal kewangan sebuah Syarikat Korporat.
- (e) Kesemua ahli Jawatankuasa ini hendaklah tiada mempunyai pertalian, yang pada pendapat Lembaga Pengarah, akan mempengaruhi ahli tersebut dalam memberikan pendapat yang berkecuali ketika menjalankan fungsinya sebagai ahli Jawatankuasa ini.

Mesyuarat

- (a) Mesyuarat Jawatankuasa diadakan sekali pada setiap suku tahun atau mengikut kekerapan yang akan ditentukan oleh Pengerusi dan Jawatankuasa. Jemputan akan diberikan kepada Ketua Pegawai Eksekutif untuk menghadiri mesyuarat. Jawatankuasa juga boleh menjemput mana-mana pihak untuk menghadiri mesyuarat bagi membantu dalam perbincangan.

Kuorum

- (a) Kuorum hendaklah terdiri daripada dua orang ahli.

Setiausaha

- (a) Ketua Juruaudit Dalaman merupakan Setiausaha kepada Jawatankuasa ini.

Tugas dan Tanggungjawab

Pelaporan Kewangan

- (a) Menyemak penyata kewangan tahunan Kumpulan ini yang disatukan sebelum dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan bagi memastikan penyata tersebut mematuhi keperluan pendedahan dan penyelarasannya yang dicadangkan oleh Juruaudit Luaran. Ini termasuk:-
- Menyemak laporan juruaudit dan syarat pembatasan (jika ada) yang mesti dibincangkan dengan teliti dan diambil tindakan yang sewajarnya bagi menangani keraguan juruaudit bagi audit yang akan datang;

- Perubahan dan penyelarasannya dalam pembentangan penyata kewangan;
 - Perubahan ketara dalam dasar dan prinsip perakaunan;
 - Pematuhan piawai perakaunan dan keperluan undang-undang yang lain;
 - Keadaan turun naik yang nyata dalam penyata baki;
 - Perubahan ketara dalam skop audit; dan
 - Komitmen ketara atau liabiliti luar jangka.
- (b) Menyemak Penyata Kewangan Interim Diringkaskan setengah tahunan bagi Cagamas Berhad dan anak-anak syarikatnya (Kumpulan Syarikat) untuk dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan bagi memastikan pematuhan terhadap keperluan pendedahan.

Juruaudit Dalaman

- (a) Menyemak skop dan keputusan tatacara Audit Dalaman, termasuk:-
- Pematuhan piawai audit dalaman, kawalan dalaman Kumpulan, dasar dan keperluan undang-undang yang lain;
 - Kecukupan polisi dan tatacara serta kawalan dalaman yang telah diwujudkan;
 - Penyelarasannya antara Juruaudit Dalaman dan Luaran;
 - Pelaksanaan kebebasan dan profesionalisme dalam menjalankan tugasannya;
 - Melaporkan segala keputusan audit yang telah dilaksanakan;
 - Mencadangkan perubahan dalam dasar perakaunan kepada Lembaga Pengarah; dan
 - Mencadangkan dan memastikan pelaksanaan langkah-langkah pemulihan serta pembetulan yang sesuai secara tetap.
- (b) Bertanggungjawab terhadap penentuan fungsi Audit Dalaman, termasuk:-
- Meluluskan Piagam Audit Dalaman;
 - Meluluskan Pelan Audit Dalaman;
 - Menilai prestasi dan menetapkan pakej imbuhan Ketua Juruaudit Dalaman selaras dengan polisi ganjaran syarikat;

Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan (Sambungan)

- Menyemak kecukupan skop, fungsi dan sumber Jabatan Audit Dalaman atau sebarang sekatan yang dihadapi semasa melaksanakan kerja-kerja pengauditan;
 - Meluluskan pelantikan atau pemberhentian Ketua Juruaudit Dalaman;
 - Pemberitahuan tentang perletakan jawatan kakitangan Audit Dalaman dan memberi peluang kepada kakitangan berkenaan mengemukakan alasan perletakan jawatan;
 - Memastikan fungsi Audit Dalaman mendapat pengiktirafan yang sewajarnya dalam Kumpulan ini;
 - Menyelaraskan matlamat dan tujuan fungsi Audit Dalaman dengan matlamat keseluruhan Kumpulan ini; dan
 - Meletakkan Audit Dalaman di bawah bidang kuasa dan penyeliaan langsung Jawatankuasa ini.
- (c) Menyemak laporan Audit Dalaman sebelum dibentangkan kepada Lembaga Pengarah syarikat-syarikat yang berkenaan di bawah Kumpulan ini dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah Cagamas Holdings Berhad untuk makluman atau pengesahan.
- (d) Memastikan tindakan yang wajar dan segera diambil oleh Pengurusan ke atas kelemahan-kelemahan ketara yang dikenalpasti.
- (e) Membincangkan dengan Juruaudit Luaran perkara yang berbangkit daripada audit pada tahun sebelumnya, menyemak skop pelan audit tahun semasa mereka serta penilaian mereka terhadap akaun dan sistem kawalan dalaman, termasuk penemuan serta tindakan susulan yang mereka cadangkan.
- (f) Menyemak perubahan dalam keperluan berkanun dan sebarang permasalahan audit yang ketara yang dijangka timbul hasil daripada pengalaman tahun sebelumnya atau yang disebabkan oleh perkembangan terkini.
- (g) Menilai dan menyemak peranan Juruaudit Luaran dari masa ke semasa.
- (h) Meluluskan peruntukan perkhidmatan bukan audit oleh Juruaudit Luaran dan menilai sama ada terdapat sebarang potensi konflik yang timbul daripada perkhidmatan bukan audit tersebut.
- (i) Memastikan wujudnya pemeriksaan dan kesimbangan supaya peruntukan ke atas perkhidmatan bukan audit tidak mengganggu pertimbangan bebas Juruaudit.
- (j) Bermesyuarat dengan Juruaudit Luaran sekurang-kurangnya sekali setahun tanpa kehadiran pihak Pengurusan untuk membincangkan perkara penting yang memerlukan perhatian serta mendapatkan maklum balas.

Juruaudit Luaran

- (a) Menilai objektiviti, prestasi dan kebebasan Juruaudit Luaran.
- (b) Membincangkan dan menilai pelan audit luaran, penemuan-penemuan terhadap sistem kawalan dalaman (termasuk tindakan Pengurusan dan laporan audit yang berkaitan).
- (c) Menyemak surat ikatan Juruaudit Luaran dan maklumbalas dari pihak Pengurusan.
- (d) Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah pelantikan Juruaudit Luaran, fi audit dan sebarang persoalan mengenai peletakan jawatan atau penyingkiran Juruaudit Luaran.

Transaksi Pihak Berkaitan

- (a) Menyemak sebarang urusniaga dengan pihak berkaitan atau keadaan yang membabitkan percanggahan kepentingan yang ketara yang mungkin timbul dalam Kumpulan ini.
- (b) Menyemak sebarang urusniaga yang ketara, yang bukan merupakan sebahagian daripada perniagaan kumpulan ini.

Tanggungjawab Lain

- (a) Menyemak cadangan pihak Pengurusan untuk pembayaran dividen sebelum dibentangkan kepada Lembaga untuk kelulusan.
- (b) Melaksanakan sebarang fungsi yang ditugaskan oleh Lembaga Pengarah dari masa ke semasa.

4. RINGKASAN AKTIVITI

Sepanjang tahun kewangan, Jawatankuasa ini telah melaksanakan tugasnya seperti yang telah ditetapkan di dalam terma rujukan. Ringkasan aktiviti utama yang dijalankan oleh Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:-

Audit Dalaman

- (a) Menyemak dan meluluskan Pelan Audit Dalaman bagi tahun Kewangan Berakhir 2018 dan memastikan kecukupan skop serta liputan aktiviti audit serta keperluan sumber-sumber audit dalaman untuk menjalankan fungsinya;
- (b) Menyemak laporan, penemuan dan cadangan oleh Juruaudit Dalaman serta maklumbalas pihak Pengurusan terhadap penemuan audit dan cadangan tersebut;
- (c) Menyemak status laporan audit dalaman berhubung dengan usaha-usaha pihak Pengurusan memperbaiki isu-isu audit yang dikemukakan; dan bagi memastikan tindakan yang sewajarnya diambil seperti saranan audit dalaman.
- (d) Memperuntukkan penilaian bebas ke atas prestasi Ketua Juruaudit Dalaman.

Audit Luaran

- (a) Menyemak skop serta perancangan Juruaudit Luaran bagi tahun Kewangan Berakhir 2017;
- (b) Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah tentang perlantikan semula Juruaudit Luaran dan yuran audit; dan
- (c) Menyemak keputusan audit oleh Juruaudit Luaran dan membincangkan penemuan dan perkara lain yang perlu diberi perhatian.

Laporan Kewangan

- (a) Menyemak penyata kewangan tahunan Kumpulan yang diaudit dan memastikan laporan kewangan mematuhi Piawaian Laporan Kewangan.

5. FUNGSI AUDIT DALAMAN

Kumpulan ini mempunyai Jabatan Audit Dalaman yang mantap dan bertanggungjawab secara langsung kepada Jawatankuasa ini. Jabatan tersebut juga membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawab dalam memastikan Kumpulan ini mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh dan berkesan. Jabatan Audit Dalaman ini bebas daripada sebarang aktiviti atau operasi unit lain bagi membolehkannya menyediakan laporan yang bebas dan objektif kepada pihak Jawatankuasa mengenai kedudukan sistem kawalan dalaman, pengurusan risiko dan proses tadbir urus Kumpulan ini.

Jabatan Audit Dalaman melaksanakan fungsi audit dalaman Kumpulan menurut Piagam Audit dan Pelan Audit Tahunan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa ini. Pelan audit tersebut dibuat berdasarkan keputusan yang diperolehi daripada proses penilaian risiko bersistematis yang telah mengenalpasti, memberi keutamaan dan menghubungkaitkan risiko-risiko dengan proses dan lingkungan pengauditan utama. Proses penilaian risiko ini juga membolehkan Jabatan Audit Dalaman memberi keutamaan kepada sumber dan bahagian yang akan diaudit.

Audit yang dilaksanakan pada sepanjang tahun kewangan 2017 menitikberatkan penilaian dan penyemakan bebas ke atas penilaian risiko, keberkesanan operasi bagi kawalan dalaman, dan keperluan pengawalseliaan di seluruh Kumpulan. Laporan audit dalaman diserahkan kepada Jawatankuasa ini untuk dipertimbangkan. Ini membolehkan Jawatankuasa ini melaksanakan fungsi penyeliaannya dengan merumuskan pendapat berhubung kecukupan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Pengurusan.

Amalan Profesional Piawai Antarabangsa (Piawai) oleh Institut Juruaudit Dalaman (IIA) digunakan di mana perlu sebagai satu panduan berwibawa bagi kaedah audit dalaman.

Penyata Kawalan Dalam

TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah Cagamas Holdings Berhad (Lembaga Pengarah) beserta Lembaga Pengarah syarikat-syarikat di dalam Kumpulan ini mengesahkan tanggungjawab mereka di dalam memastikan Kumpulan ini mengekalkan suatu sistem kawalan dalam yang mantap dan berkesan bagi menyokong pencapaian matlamat Kumpulan ini. Sistem kawalan dalam berkenaan merangkumi antara lainnya, pengurusan risiko, kewangan, strategi, organisasi, operasi dan pematuhan kawalan. Walau bagaimanapun, Lembaga Pengarah sedia maklum bahawa sistem tersebut dirangka untuk mengurus dan mengawal risiko ke tahap yang munasabah dan bukan untuk menghapuskan risiko tidak mematuhi polisi Kumpulan dan mencapai matlamat perniagaan. Oleh itu, sistem berkenaan dapat memberi jaminan yang sewajarnya, tetapi bukannya jaminan mutlak terhadap salah nyata ketara berkenaan maklumat kewangan.

Peranan pihak pengurusan ialah melaksanakan polisi yang digariskan oleh Lembaga Pengarah mengenai risiko dan kawalan dalam dengan mengenal pasti dan menilai risiko yang dihadapi serta merangka, mengendali dan memantau sistem kawalan dalam yang bersesuaian bagi mengurang dan mengawal risiko berkenaan.

PENGURUSAN RISIKO

Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah (BRC) Cagamas Berhad dipertanggungjawabkan menyelia pengurusan risiko yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan dan operasi Kumpulan ini. Dalam hal ini, BRC menyelia pembangunan strategi pengurusan risiko, polisi, proses-proses dalam utama dan sistem bertujuan menilai, mengukur, mengurus, memantau dan melaporkan kedudukan pendedahan risiko Kumpulan ini. BRC melaporkan secara langsung kepada Lembaga Pengarah Cagamas Berhad yang kemudiannya memaklumkan kepada Lembaga Pengarah Cagamas Holdings berhubung segala keputusan yang dibuat berkenaan dengan penilaian risiko dan perkara-perkara yang berkaitan.

BRC dibantu oleh Jabatan Pengurusan Risiko & Pematuhan Cagamas Berhad (RMD) yang menyediakan khidmat sokongan pengurusan risiko terutamanya bagi perniagaan dan operasi Cagamas Berhad, iaitu entiti utama Kumpulan ini di samping khidmat kepada lain-lain syarikat di dalam Kumpulan ini. Keputusan penilaian risiko dan lain-lain penemuan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengarah syarikat-syarikat yang berkaitan di dalam Kumpulan ini. Secara umumnya prinsip-prinsip pengurusan risiko Kumpulan ini adalah berlandaskan garis panduan Bank Negara Malaysia dan amalan-amalan terbaik di dalam industri.

PROSES KAWALAN DALAMAN UTAMA

Sistem kawalan dalam Kumpulan merangkumi proses utama seperti berikut:

1. Kuasa dan Tanggungjawab

- (a) Struktur organisasi, profil pekerjaan dan bidang keberhasilan utama yang menggariskan dengan jelas tanggungjawab dan kebertanggungjawaban, sejajar dengan keperluan perniagaan dan operasi.
- (b) Menetapkan dengan jelas garisan tanggungjawab dan penugasan autoriti untuk Jawatankuasa Lembaga Pengarah, pihak Pengurusan dan kakitangan.
- (c) Pihak Pengurusan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Eksekutif Pengurusan, Jawatankuasa Aset Liabiliti, Jawatankuasa Pemandu IT, Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan dan Jawatankuasa Pengurusan Kesinambungan Perniagaan sebagai sebahagian daripada fungsi pengawasan bagi memastikan pengurusan dan pengawalan yang berkesan dalam bidang masing-masing.

2. Perancangan, Pemantauan dan Laporan

- (a) Pelan Perniagaan Tahunan dan Belanjawan dirangka, dibentang dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah sebelum pelaksanaan. Di samping itu, prestasi sebenar akan dikaji setiap bulan berdasarkan prestasi yang disasarkan bagi langkah pembetulan untuk mengurangkan risiko. Hasil kajian prestasi itu dilaporkan kepada Lembaga Pengarah pada setiap suku tahun. Di mana perlu, Rancangan Perniagaan dan Belanjawan disemak, dengan mengambil kira apa-apa perubahan dalam keadaan perniagaan.
- (b) Melaporkan secara berkala kepada Lembaga Pengarah, Lembaga Pengarah syarikat-syarikat yang berkaitan di dalam Kumpulan dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Laporan-laporan tentang kedudukan kewangan, kedudukan pinjaman dan pembayaran yang dibeli, bon dan nota yang diterbitkan, dan urusniaga swap kadar faedah diserahkan kepada Lembaga Pengarah sekurang-kurangnya sekali pada setiap suku tahun. Isu-isu lain seperti perundangan, perakaunan atau hal-hal strategik juga akan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah sekiranya perlu.
- (c) Menyediakan maklumat menyeluruh dan berkala yang merangkumi laporan kewangan dan operasi kepada pihak Pengurusan sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan.

3. Polisi dan Tatacara

- (a) Mendokumentkan dengan jelas dan secara formal polisi dalaman dan manual tatacara untuk memastikan pematuhan terhadap kawalan dalaman dan undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Semakan secara berkala dilaksanakan untuk memastikan dokumentasi polisi dan tatacara sentiasa dikemaskini dan relevan.

4. Penilaian Bebas oleh Jabatan Audit Dalaman

- (a) Jabatan Audit Dalaman memberi jaminan yang munasabah kepada Lembaga Pengarah melalui penilaian bebas terhadap kecukupan, keberkesanan dan integriti sistem kawalan dalaman. Ia melaksanakan pendekatan audit berdasarkan risiko selaras dengan pelan audit tahunan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa. Keputusan audit dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan, yang bermesyuarat sebanyak empat kali sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.
- (b) Pelan audit dan laporan audit juga diserahkan kepada Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengarah syarikat-syarikat berkenaan di dalam Kumpulan bagi memaklumkan sebarang kelemahan dalam sistem kawalan dalaman. Sepanjang tahun kewangan ini, beberapa kelemahan telah dikenal pasti, namun ianya tidak mengakibatkan kerugian ketara, luar jangkaan atau ketidakpastian atau memberi kesan terhadap risiko reputasi yang memerlukan pendedahan di dalam Laporan Tahunan.

5. Pengukuran Prestasi dan Kompetensi Kakitangan

- (a) Indeks Prestasi Utama (KPIs), yang berasaskan kepada pendekatan Kad Skor Prestasi, digunakan untuk memantau dan mengukur prestasi kakitangan.
- (b) Mempunyai garis panduan yang sesuai untuk tujuan pengambilan dan pemecatan kakitangan, program latihan dan pensijilan peningkatan kemahiran oleh Pakar Industri untuk kakitangan, penilaian prestasi tahunan dan prosedur lain yang relevan bagi memastikan kakitangan yang cekap dan terlatih dalam menjalankan tanggungjawab mereka.

6. Perancangan Kesinambungan Perniagaan

- (a) Mempunyai Pelan Kesinambungan Perniagaan (BCP), termasuk Pelan Pemulihan Bencana bagi memastikan kesinambungan operasi perniagaan.

KESIMPULAN

Sistem kawalan dalaman yang wujud di sepanjang tahun tinjauan sehingga tarikh laporan tahunan dan penyata kewangan diterbitkan adalah mantap dan mencukupi untuk melindungi pelaburan para pemegang saham, kepentingan para pelanggan, pengawal selia dan kakitangan, dan juga aset Kumpulan ini.

Pengurusan Risiko

60

CAGAMAS HOLDINGS BERHAD | Laporan Tahunan 2017

Kumpulan Cagamas mengambil pandangan holistik dan menyeluruh dalam pengurusan risiko bagi kesemua anak syarikat melalui penilaian risiko malar.

RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO ORGANISASI (ERM)

Pengurusan Risiko Organisasi (ERM) membentuk sebahagian daripada budaya Cagamas dan diterap di dalam amalan dan proses perniagaan. Lembaga Pengarah telah meluluskan Rangka Kerja ERM yang merangkumi peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah (BOD), Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah (BRC), Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif (MEC), Jawatankuasa Aset Liabiliti (ALCO), Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Ketua Pegawai Risiko (CRO), Jabatan Pengurusan Risiko & Pematuhan (RMD), Jabatan Audit Dalam (IAD) dan kakitangan Cagamas.

Rangka Kerja ERM menjurus ke arah mencapai objektif Cagamas, yang meliputi empat kategori:

Strategik Sasaran peringkat tinggi, sejajar dan menyokong misinya	Operasi Cekap dan berkesan dalam penggunaan sumber
Kewangan Keuntungan dan kemapanan prestasi	Laporan & Pematuhan Kebolehpercayaan pelaporan dan pematuhan dengan undang-undang dan peraturan yang berkaitan

Selaras dengan rangka kerja ERM, tiga barisan pertahanan dalam pengurusan risiko diamalkan dalam Kumpulan. Jabatan/Unit Perniagaan dan Sokongan yang merupakan barisan pertama pertahanan bertanggungjawab untuk mengenalpasti, mengurangi dan mengurus risiko dalam kegiatan perniagaan mereka. Mereka juga memastikan bahawa aktiviti harian mereka dilaksanakan mengikut polisi, tatacara dan had risiko yang telah ditetapkan.

Jabatan Pengurusan Risiko (RMD) yang bebas memainkan peranan sebagai barisan pertahanan kedua dengan menyediakan sumber yang khusus untuk mengurus dan mengawal risiko secara proaktif. Ini termasuk menilai pendedahan risiko dan menyelaraskan pengurusan risiko secara menyeluruh. RMD juga bertanggungjawab memastikan polisi pengurusan risiko dilaksanakan dengan sewajarnya.

Jabatan Audit Dalam yang merupakan barisan pertahanan ketiga bertanggungjawab untuk menyemak secara bebas kecukupan dan keberkesanannya proses pengurusan risiko, sistem kawalan dalaman dan pematuhan kepada polisi risiko.


STRUKTUR TADBIR URUS RISIKO

Lembaga Pengarah menetapkan hala tuju strategik keseluruhan Cagamas. Ia berfungsi memastikan pihak Pengurusan mempunyai sistem dan amalan pengurusan risiko yang sesuai untuk mengurus risiko yang berkaitan dengan operasi dan aktiviti Syarikat. Lembaga Pengarah menetapkan selera risiko dan tahap toleransi yang konsisten dengan objektif perniagaan secara keseluruhan dan profil risiko yang diingini oleh Kumpulan. Lembaga Pengarah turut menyemak dan meluluskan kesemua dasar pengurusan risiko dan pendedahan risiko yang penting.

BRC membantu Lembaga Pengarah dengan memastikan wujudnya pengawasan berkesan dan pembangunan strategi, dasar dan infrastruktur untuk menguruskan risiko Kumpulan ini. BRC disokong oleh jawatankuasa pengurusan yang menangani risiko utama yang dikenal pasti.

MEC dan ALCO yang terdiri daripada pihak pengurusan kanan Kumpulan adalah dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan melaksanakan fungsi pengawasan bagi peruntukan modal dan had risiko keseluruhan dengan menyesuaikannya kepada tahap kesanggupan menerima risiko seperti yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah. Pengurusan juga bertanggungjawab untuk melaksanakan dasar yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dan memastikan bahawa terdapat prosedur operasi yang sewajar dan berkesan, kawalan dalaman dan sistem untuk menyokong dasar tersebut.

RMD bertanggungjawab untuk mengenalpasti, mengukur, menganalisa, mengawal, memantau dan melaporkan pendedahan risiko secara bebas dan menyelaraskan pengurusan risiko secara menyeluruh. Ia adalah bebas daripada jabatan-jabatan lain yang terlibat dalam aktiviti pengambilan risiko dan melapor terus kepada BRC.



PENGURUSAN RISIKO STRATEGIK

Risiko strategik ialah risiko tidak mencapai strategi korporat dan matlamat Kumpulan. Ini mungkin disebabkan oleh faktor dalaman seperti kelemahan dalam perancangan prestasi, pelaksanaan dan pemantauan dan faktor luaran seperti persekitaran pasaran.

Pengurusan risiko strategik ditangani melalui pembabitan Lembaga Pengarah dalam penetapan matlamat strategik Kumpulan. Lembaga Pengarah sentiasa dimaklumkan tentang hal-hal yang menjelaskan pelaksanaan strategi korporat dan urus niaga korporat.

PENGURUSAN RISIKO KREDIT

Risiko kredit ialah potensi kerugian kewangan akibat kegagalan seseorang peminjam atau rakan niaga untuk memenuhi kewajipan kewangan atau kontraknya. Dalam Kumpulan ini risiko kredit berpunca dari Pembelian dengan Rekursa (PWR) dan Pembelian tanpa Rekursa (PWOR), program jaminan gadai janji, pelaburan dan aktiviti perlindungan nilai perpendaharaan.

Matlamat utama pengurusan risiko kredit adalah untuk mengurus risiko dan had-had kredit secara proaktif bagi memastikan semua pendedahan terhadap risiko kredit adalah dalam lingkungan parameter yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk menahan potensi kerugian. Kegiatan pelaburan adalah berpandukan kepada polisi dan garis panduan kredit dalaman yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Tatacara tertentu untuk mengurus risiko kredit ditentukan pada peringkat perniagaan berdasarkan persekitaran risiko dan tujuan perniagaan.

PENGURUSAN RISIKO PASARAN DAN KECAIRAN

Risiko pasaran ialah potensi kerugian yang timbul akibat pergerakan harga dan kadar pasaran. Di dalam Kumpulan ini, pendedahan risiko pasaran hanya terhad kepada risiko kadar faedah dan pertukaran asing memandangkan Kumpulan ini tidak terlibat dalam sebarang kegiatan ekuiti atau perdagangan komoditi. Risiko kadar faedah adalah minimum kerana urusniaga perdagangan adalah dilarang. Risiko pertukaran asing yang berpunca daripada penerbitan bon denominasi mata wang asing adalah dilindung nilai sepenuhnya dengan membuat swap mata wang bersilang dengan rakan niaga yang kukuh. Risiko kecairan timbul sekiranya Kumpulan ini tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk memenuhi kewajipan kewangannya apabila ia telah matang.

Dalam mengurus risiko pasaran dan kecairan, Kumpulan ini menetapkan had ambang yang dipersetujui oleh pihak pengurusan dalam lingkungan parameter yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah berdasarkan hubungan risiko-pulangan. Ia juga berpegang kepada polisi padanan pembiayaan yang ketat di mana semua pembelian aset dibayai oleh bon yang hampir padan dari segi saiz, jangka masa, dan mencukupi dari segi aliran tunai. Satu mekanisme mudah tunai pandang ke hadapan telah sedia ada untuk menggalakkan pengurusan aliran tunai yang cekap dan berkesan sambil mengelakkan konsentrasi pembiayaan yang berlebihan. Kumpulan merancang aliran tunainya dan mengawasi dengan teliti setiap urus niaga perniagaan bagi memastikan terdapatnya dana yang mencukupi untuk memenuhi keperluan perniagaan pada setiap masa. Rizab kecairan, yang terdiri daripada sekuriti hutang boleh niaga, juga disediakan untuk menghadapi kurangan aliran tunai diluar jangkaan atau keadaan ekonomi yang buruk dalam pasaran kewangan.

Pengurusan Risiko (Sambungan)

62

CAGAMAS HOLDINGS BERHAD | Laporan Tahunan 2017

PENGURUSAN RISIKO OPERASI

Risiko operasi adalah potensi risiko kerugian yang disebabkan oleh kekurangan atau kegagalan proses dalaman, manusia dan sistem, atau akibat daripada faktor-faktor luaran. Setiap unit perniagaan atau sokongan membuat penilaian sendiri terhadap risiko dan kawalan persekitaran untuk mengenalpasti, menilai dan mengurus risiko operasi. Kumpulan telah mewujudkan kawalan dalaman, sistem dan tatacara yang menyeluruh yang tertakluk kepada kekerapan semakan semula oleh juruaudit dalaman dan luaran. Pelan Kesinambungan Perniagaan (BCP) juga telah disediakan untuk meminimalkan gangguan yang tidak dijangka dan mengurangkan masa untuk pemuliharaan operasi.

RISIKO REPUTASI

Tanggapan tentang reputasi dan imej Kumpulan ini oleh para pelanggan, pelabur, pengawal selia dan masyarakat umum adalah penting bagi Kumpulan ini untuk terus berkembang dan maju dalam perniagaan dan operasinya. Justeru, risiko reputasi bergantung kepada sifat/model perniagaan, pemilihan pelanggan/rakan niaga dan keutuhan dan keberkesanannya proses-proses perniagaan. Pemeriksaan yang ketat ke atas pelanggan yang berpotensi dan reka bentuk perniagaan yang selaras dengan piawaian dan pematuhan peraturan kawalan selia yang tinggi diterapkan untuk menjaga reputasi dan imej perniagaan Kumpulan ini.

RISIKO KETIDAKPATUHAN SYARIAH

Pihak Syarikat berunding dan mendapatkan sokongan/pelepasan daripada Penasihat Syariah bebas bagi semua produk dan transaksi Islamik bagi memastikan pematuhan kepada keperluan Syariah. Di samping itu, pihak Syarikat mendapat kelulusan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk produk Islamik.

Audit dalaman yang berkala dilakukan untuk mengesahkan bahawa operasi Islamik yang dijalankan oleh unit-unit perniagaan adalah mematuhi keputusan yang disahkan oleh Penasihat Syariah. Sebarang insiden ketidakpatuhan Syariah akan dilaporkan kepada Penasihat Syariah, Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan, BRC dan BOD.

Sepanjang tempoh kewangan di bawah semakan, tidak ada peristiwa ketidakpatuhan Syariah.


INISIATIF UTAMA PENGURUSAN RISIKO

Antara inisiatif utama yang dilaksanakan pada tahun 2017 dalam bidang pengurusan risiko termasuk yang berikut:


1. **Menerapkan Budaya Risiko dan Pematuhan**
 - Cagamas terus mengukuhkan budaya risiko dan pematuhan sebagai satu blok pembangunan yang penting bagi tadbir urus risiko yang berkesan. Meningkatkan kesedaran pematuhan melalui penglibatan satu sama lain dengan kakitangan dan peningkatan kawalan dalaman yang lebih baik untuk memastikan pematuhan terhadap keperluan undang-undang dan peraturan.
2. **Memastikan portfolio Kumpulan seajar dengan selera risiko dan strategi**
 - Selera risiko Kumpulan menyediakan struktur yang konsisten dalam memahami risiko dan adalah diterapkan dalam aktiviti harian perniagaan dan keputusan seluruh Kumpulan.
3. **Meningkatkan Proses dan Kawalan Pengurusan Risiko**
 - Pelaksanaan Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalam (ICAAP) sentiasa dipertingkatkan, termasuk penglibatan yang lebih besar dari jabatan-jabatan berkaitan dalam proses penetapan senario ujian tekanan dan perancangan bajet.
 - Ujian tekanan tambahan telah dilakukan terhadap kecairan termasuk ujian tekanan terbalik untuk memastikan bahawa Syarikat mengekalkan modal yang mencukupi untuk menyokong profil risiko dan dapat memenuhi semua kewajipan pembayaran tepat pada masanya.
 - Memandangkan pentingnya menguruskan risiko siber yang muncul, dasar berkaitan, garis panduan, laporan bulanan penanda aras risiko utama telah dibangunkan dan dipertingkatkan untuk mengukuhkan tadbir urus, pengurusan, pemantauan dan pelaporan risiko IT.
 - Melangkah ke hadapan, Syarikat akan memanfaatkan Sistem Pentadbiran Pinjaman (LAS) baru yang sedang dilaksanakan. Analisis data segera akan memberikan pemberitahuan risiko dan masalah yang lebih tepat pada masanya untuk mengawal isu-isu daripada meningkat. Keperluan untuk kakitangan yang mahir dalam mentafsir analisis akan meningkat dan latihan akan dijalankan untuk membangunkan kemahiran ini.

Maklumat Perangkaan

PENDEDAHAN KEPADA RAKAN NIAGA MENGIKUT PENARAFAN



PERBANDINGAN DI ANTARA SEKURITI HUTANG KUMPULAN CAGAMAS YANG BELUM DITEBUS DAN PINJAMAN/ PEMBIAYAAN DALAM PEGANGAN



Maklumat Perangkaan (Sambungan)

SEKURITI HUTANG KUMPULAN CAGAMAS YANG BELUM DITEBUS PADA 31 DISEMBER 2017

SEKURITI HUTANG KUMPULAN CAGAMAS YANG BELUM DITEBUS PADA 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

Tarikh Diterbitkan	Tempoh (Tahun)	Kadar Kupon (% setahun)	Baki Tempoh Matang (Tahun)	Konvensional					Islam				
				Nota Jangka Sederhana	Surat Perdagangan	Sekuriti Bersandarkan Gadai Janji Kediaman	Berkaitan Kredit Bercagar	Nota Dalam Mata Wang Asing	Bon Dalam Mata Wang Asing	Sukuk Murabahah	Wakalah Bil Istithmar	Al-Amanah Li Al-Istithmar	Sukuk
RM JUTA													
2009 <i>(sambungan)</i>													
30.03.2009	15	5.460	29.03.2024	6.25							155		
30.03.2009	20	5.690	30.03.2029	11.25							80		
17.07.2009	10	5.280	17.07.2019	1.54	120								
17.07.2009	12	5.380	19.07.2021	3.55	80								
17.07.2009	15	5.520	17.07.2024	6.55	100								
17.07.2009	20	5.750	17.07.2029	11.55	50								
17.07.2009	10	5.280	17.07.2019	1.54							90		
17.07.2009	12	5.380	19.07.2021	3.55							60		
17.07.2009	15	5.520	17.07.2024	6.55							70		
17.07.2009	20	5.750	17.07.2029	11.55							55		
03.09.2009	10	5.050	03.09.2019	1.67	115								
03.09.2009	12	5.120	03.09.2021	3.68	65								
03.09.2009	15	5.280	03.09.2024	6.68	90								
26.11.2009	10	5.030	26.11.2019	1.90	95								
26.11.2009	12	5.150	26.11.2021	3.91	60								
26.11.2009	15	5.270	26.11.2024	6.91	85								
26.11.2009	20	5.500	26.11.2029	11.91	45								
26.11.2009	10	5.030	26.11.2019	1.90							85		
26.11.2009	12	5.150	26.11.2021	3.91							60		
26.11.2009	15	5.270	26.11.2024	6.91							80		
26.11.2009	20	5.500	26.11.2029	11.91							45		
2010													
03.09.2010	10	4.360	03.09.2020	2.68							10		
03.09.2010	12	4.480	02.09.2022	4.67							5		
03.09.2010	15	4.650	03.09.2025	7.68							5		
03.09.2010	10	4.360	03.09.2020	2.68	15								
03.09.2010	12	4.480	02.09.2022	4.67	10								
03.09.2010	15	4.650	03.09.2025	7.68	5								
2011													
07.04.2011	7	4.250	06.04.2018	0.26							5		
07.04.2011	10	4.650	07.04.2021	3.27							5		
07.04.2011	12	4.760	07.04.2023	5.27							5		

Maklumat Perangkaan (Sambungan)

SEKURITI HUTANG KUMPULAN CAGAMAS YANG BELUM DITEBUS PADA 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

SEKURITI HUTANG KUMPULAN CAGAMAS YANG BELUM DITEBUS PADA 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

Maklumat Perangkaan (Sambungan)

68

CAGAMAS HOLDINGS BERHAD | Laporan Tahunan 2017

SEKURITI HUTANG KUMPULAN CAGAMAS YANG BELUM DITEBUS PADA 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

Tarikh Diterbitkan	Tempoh (Tahun)	Kadar Kupon (% setahun)	Tarikh Matang	Baki Tempoh Matang (Tahun)	Konvensional				Islam					
					Nota Jangka Sederhana	Surat Perdagangan	Sekuriti Bersandarkan Gadai Janji Kediaman	Nota Berkaitan Kredit Bercagar	Bon Dalam Mata wang Asing	Sukuk Murabahah	Sukuk Wakalah Bil Istithmar	Sukuk Al-Amanah Li Al-Istithmar	Sekuriti Berstandarkan Gadai Janji Kediaman	Sukuk Dalam Mata wang Asing
RM JUTA														
2017														
27.02.2017	1	3.480	28.02.2018	0.16	300									
09.03.2017	5	4.150	09.03.2022	4.19	2,000									
13.03.2017	1	1.850	13.03.2018	0.20										
12.04.2017	1	3.800	13.04.2018	0.28	70									
12.04.2017	2	3.900	12.10.2018	0.78	30									
12.04.2017	1	1.640	12.04.2018	0.28					317					
26.04.2017	3	2.530	26.04.2020	2.32					1,544					
28.04.2017	5	4.250	28.04.2022	4.33						500				
28.04.2017	5	4.250	28.04.2022	4.33	225									
20.06.2017	5	4.110	20.06.2022	4.47						350				
06.07.2017	5	4.090	06.07.2022	4.52	1,000									
24.07.2017	1	1.530	24.07.2018	0.56					130					
07.08.2017	1	3.780	08.08.2018	0.60	180									
07.08.2017	1	3.780	08.08.2018	0.60						230				
18.09.2017	3	5.900	09.10.2020	2.78						475				
18.09.2017	3	4.150	28.10.2020	2.83						525				
20.09.2017	1	1.520	20.09.2018	0.72					623					
19.10.2017	1	2.450	19.10.2018	0.80					328					
20.10.2017	3	4.360	03.09.2020	2.68	500									
20.10.2017	3	4.100	18.11.2020	2.88	500									
03.11.2017	3	4.000	03.11.2020	2.84	1,000									
03.11.2017	1	3.700	05.11.2018	0.85						65				
03.11.2017	3	4.020	03.11.2020	2.84						50				
03.11.2017	5	4.230	03.11.2022	4.84						840				
22.11.2017	0.25	3.510	22.02.2018	0.15						305				
13.12.2017	0.5	3.560	13.06.2018	0.45		700								
13.12.2017	5	4.250	13.12.2022	4.95	1,500									
15.12.2017	1	3.680	17.12.2018	0.96		10								
15.12.2017	3	4.080	15.12.2020	2.96		90								
29.12.2017	5	4.250	29.12.2022	5.00	300									
JUMLAH					18,815	700	1,265	0	5,742	11,292	0	0	1,255	158
										39,227				

PEMEGANG SEKURITI HUTANG TERBITAN KUMPULAN CAGAMAS BERHAD

	2013		2014		2015		2016		2017	
	RM juta	%								
Institusi Kewangan	8,845	35.83	8,613	32.87	9,333	32.32	10,384	33.71	16,794	45.75
Dana Persaraan	7,945	32.19	7,295	27.84	7,758	26.86	7,883	25.59	7,255	19.77
Pelabur Bukan Residen	98	0.40	2,666	10.17	4,287	14.84	6,271	20.36	6,017	16.39
Syarikat Insuran	4,344	17.60	4,089	15.60	4,531	15.69	3,620	11.75	3,670	10.00
Dana Harta dan Amanah	2,971	12.04	2,755	10.51	2,236	7.74	2,080	6.75	2,166	5.90
Perbadanan	225	0.91	421	1.61	420	1.45	230	0.75	364	0.99
Syarikat Berkaitan										
Kerajaan	257	1.04	365	1.39	314	1.09	337	1.09	441	1.20
Jumlah	24,685	100	26,204	100	28,879	100	30,805	100	36,707	100

PEMEGANG SEKURITI HUTANG CAGAMAS MBS

	2013		2014		2015		2016		2017	
	RM juta	%								
Syarikat Insuran	3,214	53.29	2,775	55.11	2,357	56.12	2,322	55.28	1,535	60.92
Institusi Kewangan	1,146	19.00	1,109	22.02	995	23.69	1,143	27.22	532	21.11
Dana Persaraan	1,270	21.06	723	14.36	539	12.83	470	11.19	305	12.10
Dana Harta dan Amanah	283	4.70	183	3.63	191	4.55	203	4.83	106	4.20
Perbadanan	45	0.75	155	3.08	80	1.90	25	0.59	20	0.79
Syarikat Berkaitan	60	1.00	85	1.69	25	0.60	15	0.36	0	0.00
Kerajaan										
Perseorangan	3	0.05	0	0.00	5	0.12	15	0.36	15	0.60
Pelabur Bukan Residen	9	0.15	5	0.11	8	0.19	7	0.17	7	0.28
Jumlah	6,030	100	5,035	100	4,200	100	4,200	100	2,520	100

JUMLAH SEKURITI PASARAN HUTANG YANG BELUM DITEBUS

Instrumen	% Jumlah Terbitan Yang Belum Ditebus				
	2013	2014	2015	2016	2017
Sekuriti Kerajaan Malaysia/Sijil Pelaburan Kerajaan	52.7	53.6	53.1	53.4	51.6
Bon Korporat dan Sukuk	33.6	32.4	33.1	31.8	32.0
Lain-lain Quasi-Kerajaan, e.g.,					
Institusi Kewangan Pembangunan Multilateral	8.4	9.2	9.4	10.6	12.4
Sekuriti Hutang Kumpulan Cagamas	3.3	2.8	2.6	2.6	2.6
Bon Khazanah	2.0	2.0	1.8	1.6	1.4
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

MERANCANG UNTUK
PERTUMBUHAN
JANGKA PANJANG



Syarikat Subsidiari



CAGAMAS BERHAD

Cagamas Berhad (Cagamas), Perbadanan Cagaran Malaysia, telah ditubuhkan pada tahun 1986 untuk menggalakkan penyebaran secara meluas pemilikan rumah dan memajukan pasaran gadai janji sekunder di Malaysia. Ia menerbitkan sukuk dan bon-bon korporat untuk membiayai pembelian pinjaman perumahan dan hutang belum terima daripada institusi-institusi kewangan, syarikat-syarikat korporat terpilih dan sektor awam. Peruntukan kecairan pada kos berpatutan kepada para pemberi pinjaman utama pinjaman perumahan telah menggalakkan pengembangan pembiayaan rumah-rumah pada kos mampu bayar.

Model Cagamas amat disanjung oleh Bank Dunia sebagai kemudahan kecairan gadai janji sekunder yang paling berjaya. Cagamas ialah penerbit terbesar instrumen hutang selepas Kerajaan Malaysia dan penerbit terbesar bon dan sukuk korporat AAA dalam pasaran. Sejak diperbadankan pada tahun 1986, Cagamas secara kumulatif mengeluarkan bon dan sukuk sebanyak RM302 bilion (setakat 31 Disember 2017), termasuk penerbitan oleh subsidiari milik penuhnya, Cagamas Global P.L.C. dan Cagamas Global Sukuk Berhad yang dijamin oleh Cagamas.

Bon dan sukuk korporat Cagamas terus diberi penarafan tertinggi AAA/Stable/P1 oleh RAM Rating Services Berhad dan AAA/MARC-1 and AAA/s/MARC-1/s oleh Malaysian Rating Corporation Berhad, menandakan kualiti kredit yang kukuh. Cagamas juga dipandang tinggi di peringkat antarabangsa dan telah diberi penarafan penerbit jangka panjang mata wang tempatan dan asing A3 oleh Moody's Investors Service yang selari dengan penarafan-penarafan berdaulat Malaysia.

Cagamas Global P.L.C. yang diperbadankan pada 4 April 2014 di Labuan adalah sebuah syarikat tujuan khas bertujuan mengumpul dana secara konvensional bagi menjalankan pengeluaran bon dan nota-nota dalam mata wang asing. Manakala, Cagamas Global Sukuk Berhad yang diperbadankan pada 5 Mei 2014 adalah syarikat tujuan khas bertujuan mengumpul dana secara Islam bagi melaksanakan terbitan sukuk dalam mata wang asing.

Profil Lembaga Pengarah

Datuk Shaik Abdul Rasheed bin Abdul Ghaffour, warganegara Malaysia, berusia 54 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 1 Januari 2017 sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif dan telah dilantik sebagai Penggerusi bagi Lembaga Pengarah pada 1 Julai 2017. Beliau ialah ahli Jawatankuasa Pampasan dan Organisasi Kakitangan. Beliau juga ialah ahli Lembaga Pengarah bagi Cagamas Holdings Berhad dan Cagamas SRP Berhad.

Datuk Abdul Rasheed ialah Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) dan bertanggungjawab ke atas Sektor Monetari dan Ekonomi, Pengurusan Rizab dan Operasi Monetari dan Sektor Pemantauan. Beliau ialah ahli Jawatankuasa Dasar Monetari, Jawatankuasa Pengurusan, Jawatankuasa Pengurusan Rizab dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko bagi bank. Sebelum itu, Datuk Abdul Rasheed ialah Penolong Gabenor BNM dan pernah bertanggungjawab ke atas Sektor Monetari dan Ekonomi, termasuk perhubungan antarabangsa dan fungsi perkhidmatan statistik bagi bank. Datuk Abdul Rasheed adalah Pengarah Eksekutif Gantian bagi Malaysia pada Mesyuarat Lembaga Eksekutif Tabung Kewangan Antarabangsa, di Washington DC, antara November 2012 hingga Oktober 2014.

Datuk Abdul Rasheed ialah lulusan daripada Universiti Malaya dengan menerima Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam Ekonomi.

Datuk Abdul Rasheed telah menghadiri lima daripada enam mesyuarat Lembaga Pengarah yang telah diadakan pada sepanjang tahun kewangan. Beliau tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain Cagamas Berhad.



**Datuk Shaik Abdul Rasheed bin
Abdul Ghaffour**

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Profil Lembaga Pengarah (Sambungan)

74

CAGAMAS HOLDINGS BERHAD | Laporan Tahunan 2017



Dato' Halipah binti Esa

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Dato' Halipah binti Esa, warganegara Malaysia, berusia 69 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 27 Mac 2013 sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Beliau juga ialah Pengerusi Jawatankuasa Pampasan Kakitangan dan Organisasi Lembaga Pengarah.

Dato' Halipah menerima Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam Ekonomi dan Ijazah Sarjana Ekonomi dari Universiti Malaya. Beliau juga memegang Sijil dalam Pengurusan Ekonomi dari IMF Institute, Washington dan dari Kiel Institute for World Economics, Jerman selain Sijil dalam Program Pengurusan Lanjutan dari Adam Smith Institute, London.

Beliau memulakan kerjaya dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik pada tahun 1973 di Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri. Semasa di EPU, beliau berkhidmat di pelbagai bidang termasuk infrastruktur, bekalan air, tenaga, kesihatan, perumahan, telekomunikasi, khidmat bandar, pembangunan sumber manusia, ekonomi makro, ekonomi antarabangsa, alam sekitar, pembangunan serantau dan pengagihan. Beliau telah memegang pelbagai jawatan di EPU dan bersara sebagai Ketua Pengarah pada tahun 2006. Beliau juga pernah berkhidmat di Kementerian Kewangan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha.

Kini, beliau memberi khidmat di dalam Lembaga Pengarah KLCC Property Holdings Berhad, Malaysia Marine and Heavy Engineering Holdings Berhad, S P Setia Berhad dan Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti.

Sebelum ini, beliau ialah Pengerusi Pengurusan Aset Air Berhad dan Cagamas SME Berhad dan pernah menganggotai Lembaga Pengarah Petroliam Nasional Berhad, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Hasil Dalam Negeri, FELDA, UDA Holdings Berhad, NCB Holdings Berhad, MISC Berhad dan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia. Beliau pernah menjadi konsultan kepada Bank Dunia dan Program Pembangunan di Bangsa-Bangsa Bersatu dalam memberi khidmat nasihat kepada Kerajaan Arab Saudi dalam perancangan ekonomi, dan pernah memberi khidmat nasihat teknikal kepada agensi-agensi perancang di Vietnam, Kemboja, Indonesia dan beberapa negara Afrika.

Dato' Halipah telah menghadiri lima daripada enam mesyuarat Lembaga Pengarah yang telah diadakan pada sepanjang tahun kewangan. Beliau tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain Cagamas Berhad.



Dr. Roslan bin A. Ghaffar

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Dr. Roslan bin A. Ghaffar, warganegara Malaysia, berusia 66 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 14 April 2009 sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Beliau juga ialah ahli Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Sains dari Louisiana State University, Baton Rouge, Amerika Syarikat, dan memperolehi Ph.D. beliau dari Kentucky University, Lexington, Amerika Syarikat. Beliau memiliki lebih daripada 30 tahun pengalaman dalam bidang ekonomi, kewangan dan pelaburan.

Dr. Roslan pernah berkhidmat di Universiti Putra Malaysia sebagai pensyarah pada tahun 1984 dan Profesor Bersekutu pada tahun 1991. Dalam tahun akademik 1992-1993, Dr. Roslan berada di Kentucky University, Lexington sebagai Profesor Pelawat. Semasa berada di Universiti Putra Malaysia, beliau pernah berkhidmat sebagai konsultan kepada pelbagai organisasi nasional dan antarabangsa termasuk Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia, Winrock International dan Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri.

Pada tahun 1994, Dr. Roslan telah dilantik sebagai Pengarah bagi Kajian Pelaburan dan Ekonomi bagi Kumpulan Wang Simpanan

Pekerja Malaysia (KWSP). Beliau telah diangkat ke jawatan Pengarah Kanan pada tahun 1996 dan kemudiannya memegang jawatan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif bagi KWSP sehingga beliau bersara pada tahun 2007.

Kini, beliau ialah Pengerusi Kuala Lumpur Sentral Sdn. Bhd., Box-Pak (Malaysia) Berhad dan Priceworth International Berhad. Beliau juga ialah ahli Lembaga Pengarah bagi Straits International Education Group Sdn. Bhd. dan anak-anak syarikatnya, dan Permodalan Felcra Sdn. Bhd. Beliau juga ialah ahli Lembaga Pengarah SYF Resources Berhad, MRCB Quill Management Sdn Bhd., FELCRA Properties Sdn. Bhd. dan FELCRA Univille Sdn. Bhd. Pada bulan Januari 2017, beliau turut dilantik sebagai ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayan Guru Tun Hussein Onn. Beliau ialah Pengerusi Jawatankuasa Penarafan di Malaysian Rating Corporation Berhad. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pengarah bagi Bumiputra Commerce Holdings Berhad dan CIMB Group Berhad dan sebagai Pesuruhjaya bagi PT Bank Niaga, TBK, Indonesia.

Dr. Roslan telah menghadiri kesemua enam mesyuarat Lembaga Pengarah yang telah diadakan pada sepanjang tahun kewangan. Beliau tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain Cagamas Berhad.

Dato' Md Agil bin Mohd Natt, warganegara Malaysia, berusia 67 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 12 Ogos 2011 sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Beliau ialah ahli Jawatankuasa Eksekutif Lembaga Pengarah dan ahli Jawatankuasa Pampasan Kakitangan dan Organisasi Lembaga Pengarah.

Dato' Agil memegang Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Ekonomi (Kepujian) dari Brunel University, United Kingdom dan Ijazah Sarjana Sains (Kewangan) dari Cass Business School, City, University of London. Beliau juga menghadiri Program Pengurusan Lanjutan Harvard Business School di Amerika Syarikat.

Dato' Agil memulakan kerjaya beliau sebagai Pengurus Kewangan Korporat dengan Bumiputra Merchant Bankers Berhad pada tahun 1977 sebelum berkhidmat sebagai Pengurus Besar Kanan di Island & Peninsular Berhad. Beliau pernah juga menjadi Ketua Perwakilan bagi Kleinwort Benson Limited sebelum menyertai Kumpulan Maybank pada tahun 1995 sebagai Pengurus Besar Kanan, Perbankan Korporat, Ketua Pegawai Eksekutif di Aseambankers Berhad (sekarang dikenali

sebagai Maybank Investment Bank Berhad), dan Timbalan Presiden/Pengarah Eksekutif di Maybank. Dari tahun 2006 hingga 2011, beliau ialah Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif bagi The International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF), The Global University of Islamic Finance yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia.

Selain menjadi Pengarah di Cagamas, Dato' Agil juga ialah Pengurus Bukan Eksekutif Bebas bagi Lembaga Pengarah Sumitomo Mitsui Banking Corporation Malaysia Berhad, Manulife Insurance Berhad, Manulife Asset Management Services Berhad dan Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad. Beliau juga ialah Pengarah Bukan Eksekutif Bebas bagi Export-Import Bank of Malaysia Berhad, Sogo (KL) Sdn. Bhd. dan Sogo (KL) Department Store Sdn. Bhd. Beliau turut menganggotai Lembaga Pemegang Amanah bagi Yayasan Tun Abdul Razak.

Dato' Agil telah menghadiri lima daripada enam mesyuarat Lembaga Pengarah yang telah diadakan pada sepanjang tahun kewangan. Beliau tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain Cagamas Berhad.



Dato' Md Agil bin Mohd Natt

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Encik Philip Tan Puay Koon, warganegara Malaysia, berusia 61 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 12 Ogos 2011 sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Beliau ialah ahli Jawatankuasa Eksekutif Lembaga Pengarah dan kini ialah Pengurus bagi Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah.

Encik Tan memegang Ijazah Kepujian dalam Pengajian Perniagaan pengkhususan dalam Perakaunan dan Kewangan dari North-East London Polytechnic, United Kingdom.

Encik Tan memiliki hampir tiga dekad pengalaman dalam lapangan perbankan dan kewangan, terutamanya dalam bidang perbendaharaan dan pengurusan risiko. Beliau ialah mantan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Kewangan bagi Emerging Market Sales and Trading, Asia Pasifik bagi Citigroup bertapak di Singapura. Beliau juga pernah memegang jawatan Country Treasurer dan Ketua, Financial Markets bagi Citibank Berhad dari tahun 1999 hingga 2001. Sebelum tahun 1995, Encik Tan menghabiskan 14 tahun dengan memegang pelbagai jawatan pengurusan kanan bersama Kumpulan Syarikat MUI.

Encik Tan ialah Pengarah bagi Danajamin Nasional Berhad, Payments Network Malaysia Sdn. Bhd., MIDF Amanah Investment Bank Berhad, S P Setia Berhad dan Citibank Berhad. Beliau juga menganggotai Lembaga Pengarah bagi Qinzhou Development (Malaysia) Consortium Sdn. Bhd., China-Malaysia Qinzhou Industrial Park (Guangxi) Development Co. Ltd., Malaysian Electronic Payment Sdn. Bhd. (MEPS) dan MEPS Currency Management Sdn. Bhd. (MCM).

Encik Tan telah menghadiri kesemua enam mesyuarat Lembaga Pengarah yang telah diadakan pada sepanjang tahun kewangan. Beliau tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain Cagamas Berhad.



Encik Philip Tan Puay Koon

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Profil Lembaga Pengarah (Sambungan)

76

CAGAMAS HOLDINGS BERHAD | Laporan Tahunan 2017



Dato' Wee Yiaw Hin

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Dato' Wee Yiaw Hin, warganegara Malaysia, berusia 59 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 1 Julai 2016 sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Beliau ialah ahli Jawatankuasa Pampasan dan Organisasi Kakanitan Lembaga Pengarah.

Dato' Wee menamatkan pengajian sebagai Jurutera Awam dan memiliki Ijazah Sarjana Sains dari Imperial College, U.K. Beliau pernah bertugas untuk Shell selama lebih 21 tahun di Malaysia dan di luar negara termasuk United Kingdom dan Afrika Selatan, di mana jawatan terakhir beliau adalah Naib Presiden, Malaysia untuk Huluan Antarabangsa Asia dan Pengarah Urusan bagi Syarikat-syarikat Carigali dan Pengeluaran Shell Malaysia.

Selepas tempoh singkat sebagai Naib Presiden untuk Talisman Energy, Malaysia di mana beliau menghabiskan sedikit masa

di Kanada, Dato' Wee telah menyertai PETRONAS sebagai Naib Presiden Eksekutif dan CEO bagi Peniagaan Hilir pada Mei 2010. Di PETRONAS, beliau ialah ahli Lembaga Pengarah di peringkat Kumpulan dan Jawatankuasa Eksekutif dan telah mempengerusikan/menganggotai Lembaga Pengarah bagi beberapa syarikat.

Dato' Wee aktif dalam Persatuan Jurutera Petroleum yang mana beliau telah berkhidmat sebagai Pengarah Wilayah bagi Asia Pasifik Utara di peringkat Kumpulan. Beliau secara aktif menggalakkan pembangunan teknologi, keupayaan teknikal dan profesional muda dalam industri.

Dato' Wee telah menghadiri kesemua enam mesyuarat Lembaga Pengarah yang telah diadakan pada sepanjang tahun kewangan. Beliau tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain Cagamas Berhad.



Encik Nazrul Hisyam bin Mohd Noh

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Encik Nazrul Hisyam bin Mohd Noh, Encik Nazrul Hisyam bin Mohd Noh, warganegara Malaysia, berusia 44 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 1 Januari 2017 sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif. Beliau ialah ahli Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah.

Encik Nazrul Hisyam ialah Ketua Staf di Bank Negara Malaysia (BNM). Sebelumnya, beliau telah berkhidmat di Bank tersebut selama hampir 20 tahun dengan beberapa jawatan, terbaharu sebagai Pengarah di Jabatan Antarabangsa dan Timbalan Pengarah bagi Jabatan Pelaksanaan Dasar Monetari, Jabatan Operasi Pelaburan & Pasaran Kewangan. Beliau telah melibatkan diri secara penuh dalam menyelia hubungan bank pusat dengan bank-bank pusat dan institusi kewangan

serantau dan antarabangsa yang lain, membangunkan infrastruktur pasaran kewangan yang berkaitan dengan pasaran bon serta pengurusan rizab, pasaran terbuka dan operasi pertukaran asing Bank. Sebelum itu, beliau ialah ahli Pasukan Petugas di ASEAN Banking Integration Framework (ABIF) dan ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pelaburan bagi CIMB Agro Ventures antara tahun 2011 hingga 2015.

Encik Nazrul Hisyam memegang Ijazah Ekonomi daripada Universiti Cambridge.

Encik Nazrul telah menghadiri lima daripada enam mesyuarat Lembaga Pengarah yang telah diadakan pada sepanjang tahun kewangan. Beliau tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain Cagamas Berhad.

Datuk Chung Chee Leong, warganegara Malaysia, berusia 58 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 27 Mac 2013 sebagai Pengarah Bukan Bebas Eksekutif bagi Cagamas Berhad. Beliau ialah ahli Jawatankuasa Eksekutif Lembaga Pengarah.

Datuk Chung menyertai Cagamas Berhad sebagai Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif pada 1 April 2012. Beliau ialah Pengerusi bagi Cagamas Global P.L.C., Cagamas Global Sukuk Berhad dan menganggotai Lembaga Pengarah Cagamas MBS Berhad, Cagamas SRP Berhad dan BNM Sukuk Berhad.

Sebelum pelantikan beliau di Cagamas, Datuk Chung telah berkhidmat sebagai Pengarah bagi Jabatan Pemantauan Perbankan serta Jabatan Pengurusan Risiko di Bank Negara Malaysia (BNM). Datuk Chung memiliki dua puluh sembilan tahun pengalaman dalam perbankan pusat, memberi fokus kepada kestabilan sistem kewangan dan sektor kewangan. Beliau telah terlibat dalam pembangunan Pelan Sektor Kewangan (2011-2020), penubuhan skim deposit insuran dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Semasa perkhidmatan beliau di BNM, beliau telah menjalankan tugas untuk Tabung Dana Antarabangsa dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam. Beliau juga pernah menjadi ahli Lembaga Pengarah Credit Guarantee Corporation Berhad dan ahli Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarahnnya. Datuk Chung turut menganggotai Jawatankuasa Penyelesaian Pinjaman Kecil dari tahun 2003 hingga 2014.

Datuk Chung menerajui kemasukan Cagamas ke dalam pasaran bon antarabangsa. Bermula dengan penarafan A3 Sovereign Equivalent International Rating oleh Moody's Investors Service, Datuk Chung telah begitu instrumental dalam kewujudan Program USD5 bilion Pelbagai Mata Wang EMTN di bawah penerbitan ulung Cagamas dan penerbitan terbesar bon Luar Pesisir Renminbi Asia Tenggara. Di bawah kepimpinan beliau, Cagamas telah mencapai penerbitan terbesar Sukuk pada tahun 2013 dan telah menerima banyak anugerah termasuk "Islamic Finance Advocacy award" di Global Islamic Finance Awards.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Pengerusi pertama bagi Asian Secondary Mortgage Market Association pada tahun 2015. Kini, beliau ialah ahli Jawatankuasa Kecil Pasaran Bon, Jawatankuasa Pasaran Kewangan yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk mengawasi pembangunan pasaran bon tempatan.

Datuk Chung memegang Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) pengkhususan dalam Pengurusan Perniagaan dari Universiti Malaya. Beliau juga pernah menghadiri program Summer School Programme di University of Cambridge.

Datuk Chung menghadiri kesemua enam mesyuarat Lembaga Pengarah yang telah diadakan pada sepanjang tahun kewangan. Beliau tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain Cagamas Berhad.



Datuk Chung Chee Leong

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif/
Pengarah Bukan Bebas Eksekutif

Ahli Pengurusan

78

CAGAMAS HOLDINGS BERHAD | Laporan Tahunan 2017



Datuk Chung Chee Leong
Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif



Azizi Ali
Naib Presiden Kanan
Perniagaan Islam



Badrul Bahaman
Naib Presiden Kanan
Perniagaan Teras



Norazilla Tahir
Ketua Pegawai Kewangan/
Naib Presiden Kanan
Kewangan



Delvin Chong
Naib Presiden Kanan
Perbendaharaan & Pasaran Modal



S. Shanmuganathan

Naib Presiden Kanan
Operasi & Perkhidmatan



Audrey Wong

Ketua Pegawai Risiko/
Naib Presiden Kanan
Pengurusan Risiko & Pematuhan



Mazlina Saidi

Naib Presiden Kanan
Modal Insan & Pentadbiran



Sarah Abdul Aziz


Naib Presiden, Ketua
Sekretariat & Komunikasi Korporat




Mohd Ridhwan Abdul Mujib

Naib Presiden, Ketua
Audit Dalaman

Carta Organisasi





Anak-anak Syarikat Lain

82

CAGAMAS HOLDINGS BERHAD | Laporan Tahunan 2017

CAGAMAS MBS BERHAD

Cagamas MBS Berhad telah diperbadankan pada 8 Jun 2004 untuk melaksanakan pembelian aset gadai janji dan aset gadai janji Islam daripada Kerajaan dan menerbitkan sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman dan sekuriti Islam bersandarkan gadai janji kediaman untuk membiayai pembelian tersebut.

BNM SUKUK BERHAD

BNM Sukuk Berhad telah diperbadankan pada 18 Januari 2006 untuk melaksanakan penerbitan sekuriti pelaburan Islam seperti Sukuk BNM Ijarah (SBI) dan Sukuk BNM Murabahah (SBM) berdasarkan prinsip-prinsip Shariah. Penerbitan SBI adalah untuk membiayai pembelian aset daripada Bank Negara Malaysia (BNM) dan kemudian memajakkannya kepada BNM untuk satu tempoh. Penerbitan SBM adalah untuk membolehkan BNM mengurus kecairan melalui dagangan komoditi berdasarkan prinsip Murabahah.

Syarikat ini kekal dorman semenjak 1 September 2015.

CAGAMAS SME BERHAD

Cagamas SME Berhad (Cagamas SME) telah diperbadankan pada 17 Februari 2006 untuk membeli pinjaman Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan/atau menjalankan urus niaga produk berstruktur dengan tunai atau melalui pensekuritian sintetik atau gabungan kedua-duanya dan penerbitan bon-bon untuk membiayai pembelian tersebut. Selain itu, Cagamas SME juga adalah rakan niaga swap ingkar kredit dan penerbit nota berkaitan kredit berkadar tetap dalam urus niaga pensekuritian sintetik.

CAGAMAS MGP BERHAD

Cagamas MGP Berhad (Cagamas MGP) telah diperbadankan pada 14 April 2006 untuk membangunkan perniagaan jaminan gadai janji. Berkuatkuasa dari 20 Disember 2012, Cagamas MGP adalah anak syarikat milik penuh Cagamas Holdings Berhad dan pelengkap kepada aktiviti-aktiviti dan inisiatif-inisiatif pembangunan lain Kumpulan Cagamas.

Program Jaminan Gadai Janji Cagamas MGP (MGP) menyediakan kemudahan jaminan gadai janji kepada institusi-institusi kewangan terutamanya para penyedia gadai janji, untuk portfolio pembiayaan gadai janji konvensional dan Islam mereka. MGP menawarkan penyelesaian bagi pengurusan portfolio dan risiko kepada institusi-institusi tersebut untuk mengurus pendedahan risiko kredit portfolio gadai janji mereka, di samping terus mengekalkan pertumbuhan aset dan menyediakan pinjaman gadai janji mampu bayar kepada para pembeli rumah. Selain itu, MGP juga membantu dalam mengukuhkan sektor perbankan dengan memindahkan risiko sistemik daripada sektor tersebut.

Syarikat ini kekal dorman semenjak 1 Januari 2014.

CAGAMAS SRP BERHAD

Cagamas SRP Berhad telah diperbadankan pada 7 Januari 2011 untuk melaksanakan jaminan gadai janji kediaman di bawah Skim Rumah Pertamaku – My First Home Scheme (SRP) yang diumumkan oleh Kerajaan pada perbentangan Bajet Malaysia 2011 dan Skim Perumahan Belia – Youth Housing Scheme (SPB) yang diumumkan Kerajaan pada 1 Oktober 2015. Peruntukan jaminan di bawah kedua-dua skim ini adalah selaras dengan Program Jaminan Gadai Janji (MGP) yang ditawarkan kepada institusi-institusi kewangan.